



**PENYATA RASMI**  
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA  
*SENATE*

PARLIMEN KETIGA  
*Third Parliament*

PENGGAL PARLIMEN KEDUA  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 1777]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 3) [Ruangan 1781]**

**Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No. 3) [Ruangan 1797]**

**Rang Undang-undang Setem (Pindaan) [Ruangan 1800]**

**Rang Undang-undang Insuran (Pindaan) [Ruangan 1803]**

**Rang Undang-undang Perbandaran (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 1809]**

**Rang Undang-undang (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur [Ruangan 1811]**

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG KEDUA**

---

Hari Selasa, 20hb Februari, 1973

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berportfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.T. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K., P.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TUAN G. LOUIS (Dilantik).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMED (Kedah).
- „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN AWANG DAUD MATUSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Perak).
- „ DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK S. O. K. UBaidULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN YAHAYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
- „ TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN LEE LOY SENG (Dilantik).
- „ TAN SRI MOHD. NOOR TAHIR (T.H. TAN), P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.E.M. (Sabah).
- „ DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).

## YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

## DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PASPOT ANTARABANGSA MALAYSIA**

**1. Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapa sesuatu permohonan untuk Pasport Antarabangsa menghendaki seorang penyokong pada hal permohonan untuk Pasport Singapura tidak menghendaki penyokong dan nyatakan juga samada seorang penyokong dikehendaki bagi tiap-tiap permohonan untuk paspot-pasport yang dibuat di negara-negara Eropah dan di Amerika Syarikat; dan
- (b) memandangkan kepada hal bahawa permohonan untuk Pasport Antarabangsa boleh disokong dan disahkan oleh seorang warganegara Malaysia yang menjadi ahli Majlis Perundangan, Jaksa Pendamai, Pengawal Perubatan atau Pengamal Undang-undang, Perkhidmatan Awam yang terkemuka dalam

Bahagian Satu, Pegawai Bank atau orang yang bertaraf seumpamanya yang kenal sendiri dengan pemohon itu, dan oleh kerana untuk mendapatkan penyokong ini bukanlah suatu kerja yang mudah kerana bukan semua orang kenal sendiri dengan orang-orang yang tersebut itu dan jika sedar, samada Kerajaan akan menimbang membatalkan syarat itu.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di Pertua,

- (a) Pasport Antarabangsa Malaysia adalah satu dokumen yang diberi kepada rakyat Malaysia yang keluar negeri. Adalah penting ditentukan bahawa dokumen ini hanya diberikan kepada orang-orang yang layak dan menasabah oleh kerana sekiranya dokumen ini diberikan kepada sesiapa sahaja dengan tidak ketentuan satu-satu perbuatannya yang buruk di negeri asing akan mencemarkan nama baik Malaysia. Penyokong kepada satu-satu permohonan pasport antarabangsa boleh menolong menentukan samada si pemohon itu seorang yang layak dan menasabah atau tidak. Setahu saya permohonan untuk mendapatkan Pasport Antarabangsa Singapura adalah

berkehendakkan penyokong dan semua negara-negara dalam Commonwealth adalah berkehendakkan penyokong.

- (b) Kerajaan tidak bercadang hendak membatalkan syarat-syarat tersebut oleh sebab-sebab yang baru saya nyatakan tadi dan juga gulungan orang-orang yang layak menjadi penyokong itu adalah sangat luas.

### MELAWAT PEKING—AHLI DEWAN NEGARA

2. **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa seorang Ahli Dewan Negara yang melawat Peking baru-baru ini, sekembalinya telah disoal oleh Polis dan nyatakan samada Ahli Pasukan-pasukan Ping Pong dan Badminton serta ahli-ahli perwakilan perniagaan yang melawat Peking telah disoal juga oleh Polis.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, bukan semua ahli-ahli rombongan atau pasukan yang Ahli Yang Berhormat sebutkan itu ditemuduga oleh pihak Polis. Tujuan temuduga itu ialah dengan sebab-sebab yang tertentu dan demi kepentingan awam tidak boleh dimaklumkan sebab-sebabnya.

### FILEM YANG MENDATANGKAN PERSOALAN—LAPURAN

3. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bila Lapuran Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai filem-filem yang mendatangkan persoalan akan siap, dan samada Kerajaan akan, tanpa mengira kandungan lapuran itu, mengharamkan filem-filem yang sedemikian.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, Jawatankuasa Pilihan Khas untuk mengkaji filem-filem "controversial" itu adalah sedang menyusun laporannya dan dijangka akan siap pada bulan April tahun ini.

Buat masa ini saya tidak bercadang hendak membuat apa-apa keputusan terhadap perkara ini sehingga lapuran itu dikaji oleh Dewan Rakyat dan keputusan ke atasnya diperbuat oleh Dewan itu.

### KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN LETRIK

4. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan kematian akibat kemalangan letrik dalam tahun 1972 dalam tiap-tiap Negeri dan apa tindakan telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kemalangan seumpama itu.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di Pertua, bilangan kematian akibat kemalangan letrik dalam tahun 1972 bagi tiap-tiap negeri adalah seperti berikut:

1. Selangor	...	...	...	6 orang
2. Perak	...	...	...	6 orang
3. Pulau Pinang dan Seberang Prai	...	...	...	9 orang
4. Johor	...	...	...	6 orang
5. Melaka	...	...	...	1 orang
6. Trengganu	...	...	...	1 orang
			Jumlah	29 orang

Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan kemalangan tersebut ialah dengan cara:

- (i) memberi ceramah-ceramah melalui radio.
- (ii) menulis rencana-rencana mengenai kemalangan-kemalangan, sebab-sebab serta cara-cara menjauhkannya.
- (iii) memberi tayangan-tayangan filem mengenai kecuaihan dan kelalaian semasa memasang perkakas dan alat-alat letrik dalam rumah serta akibat kelalaian.
- (iv) mengeluarkan risalah-risalah bergambar dan diedarkan kepada orang ramai.
- (v) pihak Lembaga Letrik Negara mengadakan percubaan-percubaan menggunakan "protective multiple earthing system" sebagai langkah teknikal untuk mengurangkan bilangan kemalangan letrik ini.

### PASARAN SAHAM

5. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa pasaran saham di Negeri ini dipermainkan

oleh orang-orang asing yang mengamalkan polisi "hit and run";

- (b) samada perbuatan seperti itu menguntungkan Negara ini; dan
- (c) samada Kerajaan akan mengambil tindakan untuk memberhentikan amalan itu.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di Pertua, Operasi Pasaran Saham sebenarnya bergantung kepada kemampuan orang ramai membeli dan menjual saham pada bila-bila masa mereka mahu, dan dengan sebab bahawa kita mempunyai satu pasaran saham bersama dengan Singapura, maka sukarlah untuk kita menentukan samada orang-orang asing sedang menjalankan dasar "pukul kemudian lari" (Hit and run policy). Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang penuh terhadap menupelasi pasaran saham, kerana perbuatan ini akan menghalangkan pembangunan negara yang teratur. Kita pasti tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap siapa-siapa yang menjalankan kegiatan-kegiatan menupelasi, bahkan untuk tujuan ini Kerajaan baharu-baharu ini telah mengemukakan Rang Undang Perusahaan Security yang mengandungi peruntukan-peruntukan penting berhubung dengan urusan-niaga pasaran itu termasuk peruntukan untuk mencegah perniagaan haram dan menupelasi pasaran melalui harga tipu. Rang Undang-undang tersebut mencadangkan tindakan-tindakan yang kelak membolehkan Kerajaan mengadakan kawalan yang lebih berkesan ke atas Operasi Pasaran Saham manakala di masa yang sama memastikan pertumbuhan dan perkembangannya yang sihat.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (No. 3)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967" dibaca bagi kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan ini bertujuan untuk melaksanakan cadangan-cadangan Belanjawan, 1973 berkaitan dengan perubahan dalam kadar

cukai dan kaedah mengenakan cukai atas royalti-royalti yang dibayar kepada orang-orang yang tidak bermastautin dan atas bayaran upah kepada penghibur-penghibur awam yang bukan bermastautin; dan pengurangan dalam kadar kelepasan cukai pendapatan di Malaysia Timur. Semua perubahan-perubahan cukai ini telah diumumkan dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 6hb Disember, 1972. Untuk melaksanakan perubahan-perubahan ini adalah perlu sekarang untuk meminda seksyen-seksyen 2, 6, 109 dan 110 dan Jadual-jadual 1 dan 6 kepada Akta itu dan juga mengemukakan peruntukan baru iaitu seksyen 109A seperti diterangkan dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Faedah dan royalti yang dibayar kepada orang-orang yang bukan bermastautin akan sekarang dikenakan cukai pada kadar 15% dari jumlah kasar. Bagaimanapun, faedah yang terbayar bagi pinjaman yang diluluskan untuk membiayai projek-projek pembangunan atau bagi pembelian alat-alat modal untuk projek-projek pembangunan adalah dikecualikan daripada cukai. Pendapatan penghibur-penghibur awam yang bukan bermastautin yang mengadakan pertunjukan di Malaysia akan juga dikenakan cukai pada kadar 15% dari jumlah kasar. Pemindaan-pemindaan ini juga akan mengadakan cara-cara memungut cukai atas royalti-royalti dan pendapatan seseorang penghibur awam yang bukan bermastautin.

Satu lagi pindaan yang penting kepada Akta ini ialah mengemukakan satu seksyen baru iaitu seksyen 154A. Seksyen ini membolehkan Kerajaan membuat satu perjanjian dengan mana-mana orang berkenaan dengan menentukan tanggungan cukainya (termasuk menyerahkan hak-hak tertentu di bawah Akta itu oleh orang tersebut) jika sesuatu perjanjian itu adalah, pada pendapat Menteri adil dan saksama atau adalah demi kepentingan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Suatu lagi pindaan yang boleh dianggap penting ialah mengenai seksyen 111 yang mengemukakan bahawa di mana cukai atas suatu taksiran telah dibayar tetapi seterusnya setelah membuat rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan taksiran tersebut adalah dikurangkan atau dihapuskan, Kerajaan adalah tidak boleh dipaksa untuk memulangkan kelebihan cukai yang telah

dibayar sehingga taksiran tersebut adalah akhirnya ditentukan oleh mahkamah atau mahkamah-mahkamah. Ini adalah untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

Lain-lain pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini adalah kecil dan dibuat untuk menghapuskan kepincangan dan kecacatan dan untuk melicinkan lagi pentadbiran cukai pendapatan.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Cukai Pendapatan ini dan memberikan setinggi-tinggi penghormatan saya kepada Jabatan ini yang telah membuat pekerjaan dan menjalankan usaha dan tenaganya bagi mendapatkan wang negara kita dan sesungguhnya Jabatan ini telah banyak memberikan faedah yang besar kepada negara kita sendiri.

Tuan Yang di Pertua, satu perkara sahaja yang hendak saya sentuh di dalam soal cukai pendapatan ini iaitu di samping saya memberikan tahniah kepada Jabatan ini, juga baharu-baharu ini saya mendengar, terbaca dalam suratkhbar yang mengatakan bahawa ahli-ahli saham yang melaburkan wangnya di dalam saham MARA yang biasanya telah dikenakan cukai 40%, sekarang ini tidak dikenakan cukai 40% daripada keuntungan yang dikeluarkan tiap-tiap tahun. Tindakan yang seperti ini, adalah tindakan yang wajar dan di manapun kita pergi di dalam negara kita ini, kita pernah dirayu oleh orang-orang kampung, oleh orang-orang yang tinggal di luar bandar supaya saham yang tidak begitu besar yang dibelinya itu dan dia biasanya tidak pula dikenakan cukai pendapatan, biarlah jangan dikenakan cukai pendapatan yang dipotong dari keuntungan secara serta-merta pada tiap-tiap keuntungan itu dikeluarkan sebanyak 40%. Maka tindakan ataupun keputusan yang telah saya baca dalam suratkhbar, berita yang saya baca dalam suratkhbar baharu-baharu ini, jika sekiranya benar, ini adalah menggalakkan kepada bumiputra yang ada di luar-luar bandar bagi membeli dan melaburkan wangnya di dalam

saham MARA misalnya oleh kerana saham MARA ini telah begitu terkenal di dalam masyarakat orang-orang kita di luar bandar.

Sekali lagi, Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kebijaksanaan Jabatan ini.

Yang keduanya, Tuan Yang di Pertua, saya suka menarik perhatian berkenaan dengan cukai pendapatan ini juga yang dikenakan kepada orang-orang Islam di mana sebahagian daripada mereka telah membayar misalnya zakat dan fitrah. Maka saya harap supaya tidak dikenakan dua kali cukai pendapatan ini melalui cukai pendapatan kepada seorang Islam.

Tuan Yang di Pertua, saya menyokong ini kerana pendapat saya sesuai dengan apa yang dikehendaki oleh rakyat sekarang ini.

Tuan Yang di Pertua, sebelum saya duduk, saya suka membuat sedikit kenyataan di dalam Dewan ini bahawa saya berasa amat dukacita di atas kenyataan yang telah dikeluarkan atau disebutkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara di dalam menjawab kecaman yang telah saya buat di dalam ucapan saya yang telah lalu . . . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Adakah berkenaan dengan Bill yang kita sedang bincangkan ini?

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Kerana kewangan, Tuan Yang di Pertua, saya sentuh sedikit berkenaan dengan ucapan yang . . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Adakah berkenaan dengan cukai pendapatan?

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Ya. Tuan Yang di Pertua, saya menyokong Bill ini seperti yang saya katakan tadi. Oleh kerana saya telah terasa sedikit tersinggung dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Peguam Negara di dalam jawapannya terhadap saya yang mengatakan suara yang saya keluarkan ini seakan-akan suara D.A.P. Saya suka menyatakan bahawa saya bukanlah seorang ahli D.A.P. dalam Dewan ini, dan saya suka menerangkan kepada Yang Berhormat Peguam Negara itu bahawa saya ialah Ketua Penerangan UMNO Malaysia yang selama ini berdiri menyokong Kerajaan.

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1967 untuk dipinda dengan sepenuhnya.

Saya suka menarik perhatian Kerajaan mengenai cukai pendapatan bidang pengananaan (scope of change). Cukai ini diadakan dalam tahun 1968 apabila Akta Cukai Pendapatan bersama dengan yang baharu dalam tahun 1967 menggantikan ketiga-tiga undang-undang cukai pendapatan bagi Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di Pertua, di bawah undang-undang cukai pendapatan lama bagi seseorang pendapatan itu, jumlah pendapatannya yang dibebaskan dari cukai adalah sangat rendah dan diharapkan kepada Kerajaan supaya dapat disemak semula dan untuk disesuaikan dengan penyusunan semula masyarakat negara.

Tuan Yang di Pertua, adalah juga beberapa cadangan daripada saya mengenai Akta Cukai didapati dipinda seperti berikut:

Yang pertama, pada pandangan saya jumlah pendapatan yang dapat untung dari saham-saham daripada seseorang itu patutlah dikenakan membayar cukai. Ini adalah satu cukai pendapatan besar Kerajaan mendapat cukai. Kalau tidak Kerajaan akan dapat kerugian besar kerana orang kaya atau orang berada senang sahaja dengan mengenakan beberapa wang ringgit mereka didumpkan untuk membeli saham-saham seberapa banyak yang boleh dan dilarikan dari membayar cukai. Saya rasa tidak adil dan patut Kerajaan tidak mengutip cukai daripada keuntungan atas saham-saham itu.

Tuan Yang di Pertua, yang kedua, jumlah pendapatan yang dibebaskan dari cukai bagi satu-satu keluarga patutlah mengandungi ibubapa atau ketua keluarga itu juga. Pendapatan bagi ketua keluarga dan pendapatan isterinya patutlah dibezakan dan tidak patut dimasukkan campurkan sama sekali dengan pendapatan ketua keluarga itu.

Tuan Yang di Pertua, saya rasa dukacita bahawa Akta Cukai Pendapatan yang patutnya dipinda sekarang tetapi masih belum dapat dipinda. Kita semua faham perbelanjaan Kerajaan adalah bersangkutan dengan pendapatan cukai-cukai yang dibayar oleh rakyat seperti Belanjawan tahun

1973 yang diluluskan itu dengan bermelion-melion juta ringgit yang Kerajaan dapat cukai-cukai dari rakyat.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di Pertua, saya merayu dan mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menimbangkan rayuan-rayuan atau aduan-aduan dari rakyat yang difikirkan mana yang sesuai itu.

Sekali lagi saya menyokong Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1967 supaya diluluskan.

**Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Bill ini untuk diluluskan dan saya memberikan pendapat-pendapat saya.

Saya merayu kepada Kerajaan supaya memberi kemudahan-kemudahan kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat iaitu meminta kepada Kerajaan semua Ahli-ahli kedua-dua buah Dewan ini dikecualikan daripada cukai pendapatan bagi tiap-tiap seorang yang mendapat \$50,000 ke bawah dalam satu tahun. Jika Ahli-ahli ini dapat lebih daripada \$50,000 dalam setahun, baharulah beliau dikenakan bayaran cukai pendapatan Kerajaan patut memberi sedikit keistimewaan kepada Ahli-ahli kedua-dua Dewan ini, kerana mengenakan jasa-jasa mereka kepada rakyat dan Kerajaan, begitu juga orang ramai patut dinaikkan cukai pendapatannya dari \$2,000 kepada \$3,000 dan seterusnya termasuk isterinya dan juga saya minta cukai pendapatan anak dari tiga orang kepada lima orang.

Tiap-tiap orang yang duduk di negara kita ini ada membayar bermacam-macam cukai. Pakaian yang dipakainya sudah kena cukai, makanan yang dimakannya sudah kena cukai, kenderaan yang dinaikinya sudah kena cukai, cukai tanah, cukai senapang, cukai talivisyen dan radio dan bermacam-macam cukai. Oleh itu, sudah patutlah pendapatan bagi satu-satu orang itu dinaikkan sebagai yang saya sebutkan di atas tadi iaitu dari \$2,000 kepada \$3,000 dan isteri dari \$1,000 dan tiga orang anak kepada lima orang anak. Sekianlah pandangan saya berkenaan dengan Bil ini dan saya menyokong untuk diluluskan.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Tuan Yang di Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang Cukai Pendapatan ini supaya diluluskan.

Saya mengucapkan tahniah di atas kecekapan-kecekapan yang ditunjukkan oleh pihak kakitangan Jabatan Cukai Pendapatan kita yang selama ini telah bergerak dengan cergas dan aktif sekali sehingga walaupun ada setengah-setengah ahli-ahli perniagaan yang cuba hendak melarikan atau hendak mengelakkan daripada membayar cukai pendapatan ini, tetapi telah banyak didapati kembali oleh kerana kecekapan pegawai-pegawai di jabatan ini sendiri.

Apa yang saya hendak bangkitkan sedikit di sini ialah berhubung dengan masalah peniaga-peniaga bumiputra yang semenjak beberapa tahun yang akhir-akhir ini banyak daripada peniaga-peniaga ataupun bumiputra ini yang telah menceburkan diri di dalam lapangan perniagaan dan perusahaan, tetapi kebanyakan daripada mereka itu tidaklah begitu mahir berhubung dengan soal-soal kewangan ataupun berhubung dengan soal menyimpan kira-kira ataupun sebagainya. Dan perkara ini mereka selalu menghadapi kesusahan bersabit dengan tuntutan-tuntutan daripada pihak Jabatan Cukai Pendapatan.

Saya misalkan begini, Tuan Yang di Pertua, setengah-setengah syarikat bumiputra ini yang modalnya tidak begitu besar, maka mereka ini kebanyakannya tidak mengambil Juru Kira-kira yang tetap untuk berkhidmat dengan perusahaan mereka kerana tidak mampu hendak membayar gaji atau sebagainya, jadi mereka hanya menggunakan Juru Kira-kira sambil ataupun dengan cara menggunakan dihantar kira-kira mereka setahun sekali kepada Juru Kira-kira yang bertaualiah untuk membuat timbangan kira-kira bagi membayar cukai pendapatan.

Dalam masalah ini selalu berlaku kelambatan-kelambatan menyiapkan kira-kira ini untuk dihantarkan kepada pihak Jabatan Cukai Pendapatan, maka apa yang berlaku pada masa ini pihak Jabatan Cukai Pendapatan adalah menjalankan tindakan-tindakan mereka yang cukup ketat. Ini baik kerana menjaga harta kekayaan negara, kewangan negara kita ini, tetapi oleh kerana terlampau ketat perjalanan mereka ini, maka banyak daripada syarikat-syarikat bumiputra ataupun peniaga-peniaga bumiputra yang terkena denda oleh sebab kelewatan bukan dengan sebab dia tidak mahu membayar cukai semata-mata dengan kerana kelewatan

ataupun dengan kerana kesilapan-kesilapan kira-kira yang dihantar itu.

Ada juga yang telah berlaku pada suatu syarikat yang telah membayar cukai pendapatannya dua tahun yang lalu, kemudian dalam penghujung tahun 1972 sampai tuntutan daripada Jabatan Cukai Pendapatan mengatakan awak telah didenda sebanyak 10% bagi kira-kira dua tahun yang telah dibayar itu dengan sebab kira-kira yang dibuat pada masa itu ada silap disebabkan lambat, jadi cukai dua tahun yang telah diselesaikan—kena lagi denda itu. Ini betul-betul berlaku. Dengan keadaan-keadaan ini, saya percaya, ini bukanlah dengan sebab pegawai-pegawai ini hendak menganiyakan syarikat-syarikat itu, kerana ini ada kuasa bagi mereka dalam peruntukan Undang-undang Cukai Pendapatan yang mengatakan bila lewat dibayar dia boleh mengenakan denda seberapa yang difikirkan menasabah pada timbangan mereka. Tetapi, saya rasa, kalaulah satu cukai yang telah diselesaikan dua tahun dahulu, kemudian didapati kesilapan dengan sebab dua tahun dahulu tidak dikenakan denda kerana kelewatan, sekarang baharu dihantar kembali denda itu, jadi tentulah keberatan bagi syarikat-syarikat kecil bumiputra yang ada pada hari ini. Maksud saya membangkitkan soal ini ialah saya hendak meminta ataupun merayu supaya bagi syarikat-syarikat ataupun peniaga-peniaga bumiputra ini pihak Jabatan Cukai Pendapatan adakanlah sedikit-sedikit kelonggaran, bukan maksud saya longgar supaya tidak kena cukai pendapatan tidak, maksud saya enforcementnya. Kalau sekarang bila dihantar borang ada dinyatakan di situ mesti dihantar kembali dalam masa tempoh, kalau tidak silap saya sebulan, ataupun dua bulan, maka dimintalah bagi syarikat-syarikat kecil ini berilah tempoh yang lebih lanjut sedikit memberi peluang kepada mereka menyelesaikan kira-kira mereka. Dengan jalan itu, saya rasa akan dapatlah mereka ini berjalan dengan lebih baik dan sempurna di masa-masa yang akan datang. Itulah sahaja, Tuan Yang di Pertua, rayuan saya bagi pihak peniaga-peniaga bumiputra yang sedang bergiat maju sekarang.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini, akan tetapi sepele dua patut juga saya sebutkan di sini bahawa

Rang Undang-undang ini yang dikemukakan kepada kita belum lagi menyahut seruan Ahli-ahli Parlimen baik Dewan Rakyat atau di Dewan Negara bertahun-tahun lamanya.

Seperti sebentar tadi pun telah disebutkan oleh seorang Ahli Dewan Negara mengenai dengan bayaran menima kepada perseorangan, isterinya dan anak-anaknya. Saya tidak perlu mengulangi semua sekali, tetapi sekadar untuk mengingatkan Kerajaan harus diberi perhatian atas dasar demokrasi bahawa suara rakyat itu suara yang akan didengar.

Dalam soal ini ingin saya menambah bahawa undang-undang tidak dibuat melainkan bagi maksud-maksud dan kepentingan masyarakat itu sendiri.

Satu Undang-undang yang dibuat bagi bukan maksud masyarakat tidak mempunyai nilai-nilai undang-undang, ertinya Undang-undang hantu. Undang-undang dibuat bagi kegunaan masyarakat untuk kepentingan masyarakat.

Pungutan cukai semuanya hanya untuk kepentingan masyarakat untuk penyusunan dan untuk pentadbiran masyarakat. Dengan yang demikian, satu undang-undang yang dibuat yang tidak mencerminkan keyakinan rakyat, dengan tidak mencerminkan kedudukan masyarakat itu sendiri bererti satu undang-undang yang meraba-raba.

Saya pernah bercakap di Dewan ini mengenai hal ini dahulu iaitu Kerajaan harus menyemak kembali tentang batas-batas yang ditentukan untuk dikenakan cukai-cukai pendapatan. \$3,000; \$2,000 bagi isteri dan sebagainya, itu adalah yang patut ditimbang lagi. Sebab dengan kata-kata yang ringkas, hajat hidup di zaman moden ini, kata seruan Kerajaan sekarang ini sains dan teknologi, zaman teknologi zaman terlalu banyak yang kita hajatkan. Kalau seorang memakai motokar waktu ini, itu bukan luxury, sebaliknya itu adalah hal-hal yang sewajarnya di saat zaman ini. Kalau seseorang menggunakan peti sejuk di rumahnya, itu bukan luxury di zaman ini kerana selalu pergi ke pasar menggunakan motokar dia kena bayar beberapa sen lagi, dia harus pergi ke pasar untuk simpan seminggu dan menyimpan barang-barang di rumahnya itu maka itu tidak merupakan sesuatu yang dikatakan luxury. Menggunakan radio dan talivisyen, alat yang sangat penting bagi

penyiaran Kerajaan sendiri, yang Kerajaan mahu rakyatnya mengikutinya bahawa itu tidak merupakan luxury dan tiap-tiap rumah harus mempunyai di zaman moden, zaman sains dan teknologi ini. Rakyat perlu membeli, rakyat perlu memiliki bagi kepentingan Kerajaan juga, maka dengan kerana itu semuanya ditambah dengan harga barang-barang yang terlalu melambung tinggi, oleh sebab cukai-cukai yang sentiasa ada dan diadakan, maka harus Kerajaan memberi pertimbangan kepada mereka ini, satu pihak tentang minima. Di satu pihak lain, saya tidak puas hati sampai bila-bila juga bahawa batasan anak yang ditentukan hanya sekadar lima orang sahaja.

Soal Kerajaan mahu menggalakkan rakyat mempunyai anak tiga ataupun anak lima dalam dasar birth control, itu adalah soal Kerajaan dan soal orang itu sendiri, tetapi saya mahu hak manusia (human right) bahawa setiap orang boleh beranak selama mana dia mahu beranak 40 atau 70 bahawa anak-anak itu tidak boleh dinafikan haknya—hak hidup, hak dalam tanggungan bapanya dan sebagainya. Kalau di Russia perempuan yang beranak 10 diberi bintang emas, kita hendak encourage supaya orang kurang beranak itu soal lain. Siapa suka hendak mengurangkan, kurangkanlah asal jangan anak-anak gadis mengambil kesempatan asal jangan perempuan muda yang baharu kahwin baharu dapat, 2, 3 anak mengambil kesempatan—itu soal lain. Tetapi soal income tax ini harus diperhatikan dari segi tanggungan kepala keluarga. Kita bukan orang England yang hidup nafsu-nafsi, kita adalah orang-orang Timur yang mempunyai adat-istiadat dan mempunyai adat resam dan mempunyai keyakinan kita sendiri.

Tuan Yang di Pertua, anak harus diperhitungkan walau berapa sekalipun. Saya tidak mahu masukkan sepupu yang menjadi tanggungjawab ketua keluarga menanggungnya, saya tidak mahu masuk cucu tetapi anak harus difikirkan. Jadi, Tuan Yang di Pertua, sudah berkali-kali perkara ini diutarakan di dalam Dewan ini akan tetapi Kerajaan tidak pernah mahu memikirkan.

Dalam ucapan Budget baharu-baharu ini saya bercakap terlalu sengkat dalam keadaan kesihatan terlalu terganggu, saya mengemukakan sedikit pandangan bagaimana yang berada harus dikenakan cukai lebih. Saya memberi satu anggaran kasar yang \$14 juta pendapatannya setahun harus

dipotong \$13 juta tetapi bukan begitu caranya, ini kita harus perhitungkan persentasenya, tetapi kerana saya bercakap dengan tergesa-gesa dengan tidak bertulis keluar \$14 juta potong \$13 juta, kita harus memperhitungkan dari segi persentasenya. Ertinya pendapatan yang lebih boleh dipotong bahkan sampai 90%. Memang benar orang boleh bertanya siapa yang akan menanggung kalau sekiranya pihak satu perusahaan yang mendapat kerugian. Kalau untung Kerajaan mengambil pendapatan, tetapi kalau rugi Kerajaan tidak tanggung, jangan dipotong banyak potong sedikit pun sama keadaannya, dia tidak berbeza. Tetapi di dalam hal ini, Tuan Yang di Pertua, yang saya maksudkan, bukan syarikat-syarikat yang mempunyai pemegang-pemegang saham yang mesti dikenakan cukai terlalu tinggi, tetapi orang-orang perseorangan yang mendapat faedah yang terlalu melambung tinggi sehingga tidak tahu apa yang hendak dibuat dengan wang yang sebanyak itu, ini patut dikenakan cukai, persentase yang cukup tinggi seperti yang dijalankan di England misalnya sampai 90% dipotong. Ini bukan menzalimkan mereka, tetapi ini mengambil daripada mereka untuk menolong saudara-saudara mereka di dalam negara mereka sendiri. Tetapi daripada syarikat-syarikat kalau dipotong lebih tinggi itu ertinya menganiaya dan tidak menggalakkan orang-orang membeli saham, lain soalnya yang ditimbulkan tadi seperti yang juga saya timbulkan dahulu iaitu orang yang membeli saham dan menjual saham dia bukan menanam modal, dia beli saham jual saham. Ini patut dikenakan cukai, sebab dia dapat untung tanpa kerja, tetapi kalau dia menanam modal dan menunggu berapa lama keuntungan syarikatnya itu tidak harus dikenakan terlalu tinggi. Kadar sekarang sudah agak menasabah, tetapi orang perseorangan yang boleh mendapat berjuta-juta ringgit harus dipotong dengan cara yang lebih adil, dengan jalan itu kita dapat menambah kewangan negara, dengan jalan ini kata saya dahulu kita boleh menghapuskan cukai gula yang menjadi makanan utama kepada rakyat dengan sendirinya gula bertambah murah. Kita boleh menghapuskan cukai bawang dan kita boleh mengurangkan sedikit sebanyak cukai-cukai lain, dengan cara itu boleh menolong rakyat yang terbanyak dan di samping itu tidak mengosongkan kewangan negara.

Tuan Yang di Pertua, saya merayu sekali lagi supaya diberi pertimbangan hal ini, kerana ini adalah soal mengenai masyarakat, manusia, tentang minima pendapatan yang dipotong dan tentang anak-anak harus diberi layanan tidak sahaja 5, tetapi berapa jumlah anak yang ada yang di bawah tanggungan seorang kepala keluarga.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin**  
Tuan Yang di Pertua, saya berdiri menyokong Rang Undang-undang ini. Saya cuma ada satu sahaja perkara yang saya hendak pengesahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Di bawah Fasal 10 dan Fasal 12 ada ditetapkan di situ bahawa Fasal-fasal itu berkuatkuasanya pada 1hb Januari, 1973 tetapi di bawah Fasal 14 dia tidak ada menyebutkan bila kuatkuasanya. Kalau tidak salah saya di dalam ucapan belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, beliau mengatakan bahawa di bawah Fasal itu tarikh kuatkuasanya ialah pada 1hb Januari, 1973 juga. Bolehkah saya dapat pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa perkara ini begitu, kalau dilihat muka 38 di dalam ucapan Belanjawan ini ada disebutkan iaitu kuatkuasanya Fasal itu ialah pada 1hb Januari, 1973.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi buah fikiran mereka dan teguran-teguran tentang Bill ini dan saya akan cuba memberi sedikit penjelasan.

Pada mulanya, saya menjawab kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Othman Abdullah iaitu berkenaan dengan bayaran-bayaran zakat dan fitrah patut tidak dimasukkan dalam cukai pendapatan. Ini memang sudahpun dikeluarkan dan kalau seseorang ini membayar zakat dan fitrah dan sekiranya wang ini dimasukkan dalam income tax return dia, maka pengecualian akan diberi pembayaran yang tersebut iaitu bayaran zakat dan fitrah. Ahli Yang Berhormat itu juga membangkitkan berkenaan dengan pendapatan keuntungan daripada saham MARA patut dikecualikan sebagai yang diistiharkan di dalam surat khabar baharu-baharu ini. Adalah dikecualikan pemegang-pemegang saham MARA yang

kecil sahaja iaitu orang yang ada sedikit sahaja saham MARA itu dikecualikan daripada membayar cukai, tetapi mereka yang ada saham-saham MARA yang besar, mereka terpaksa memasukkan di dalam borang income tax pada tiap-tiap tahun. Jabatan Income Tax akan memberikan pengecualian berkenaan dengan keuntungan daripada saham MARA, mereka boleh dapat balik wang yang telah dikenakan cukai, dan mereka itu hendaklah membuat permohonan berkenaan dengan wang yang telah dibayar terhadap keuntungan daripada saham MARA yang mereka telah bayar itu.

Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Senator Yeap Kheng Yam telah mengesyorkan supaya Kerajaan mengenakan cukai kepada mereka yang membeli saham di pasaran saham. Memangnya cukai dikenakan kepada share transaction. Izinkan saya bacakan dalam bahasa Inggeris: "Share transaction profits are taxed in the case of persons who regularly deal in shares as a commodity in the Stock Market. In the case of those who are merely investors, the profit on realisation is the capital appreciation and is not subject to income tax". Ini memang ada di dalam Undang-undang, Tuan Yang di Pertua.

Lagi satu, Yang Berhormat itu telah juga menyebut berkenaan dengan personal relief. Ini saya akan menjawab bersama-sama dengan teguran yang dibuat oleh Senator Ibrahim bin Haji Yaacob dan juga Senator Amaluddin bin Darus. Personal relief restriction ini ialah bagi membolehkan Kerajaan mengadakan satu tax base yang agak lebar sedikit. Dengan sebab itulah ditetapkan sekarang ialah \$2,000 dan \$1,000. Yang \$2,000 kepada lelaki dan yang \$1,000 kepada perempuan. Peratus orang yang membayar daripada gulungan bawahan ini sangat kecil sekali. Kalaulah personal relief ditinggikan maka sudah tentu yang tax base sebagaimana yang disebutkan dalam bahasa Inggeris, "The tax base will be eroded and it is not feasible." Dan dengan sebab itu, sudah tentulah ini akan mengalag perancangan Malaysia Yang Kedua kita. Kita berkehendakkan wang yang lebih banyak. Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat semua mengetahui wang yang begitu besar untuk menjalankan dan untuk melaksanakan rancangan-rancangan dalam Rancangan

Malaysia Yang Kedua. Pada setakat ini tidaklah ada cadangan untuk meminda tax base ini.

Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mansor, berkenaan dengan denda sebanyak 10% dikenakan kepada mereka yang tidak membayar cukainya dalam masa tempoh yang diberikan pada mereka itu. Tetapi sekiranya yang kena denda itu menulis kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri menyatakan mereka kekurangan wang dan meminta ditangguh, ini akan dipertimbangkan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri. Tetapi sungguhpun begitu ada kalanya Pengarah Besar, Jabatan Hasil Dalam Negeri ini menimbangkan kalau sungguh-sungguh seseorang itu tidak ada wang hendak membayar, beliau akan menghapuskan denda yang 10% itu, kalau benar-benar orang itu daripada gulungan yang miskin, yang tidak mampu hendak membayarnya.

Biasanya satu denda itu dikenakan selepas beberapa kali Jabatan Hasil Dalam Negeri memperingatkan kepada orang-orang yang kena bayar cukai ini, selepas beberapa kali mereka tidak juga membayar cukai, maka baharulah mereka dikenakan denda. Bermaknanya peluang yang agak panjang diberikan kepada mereka itu, sehinggalah beberapa kali menghantar surat peringatan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Untuk penjelasan, Tuan Yang di Pertua. Maksud saya, Tuan Yang di Pertua, cukai ini telah pun dibayar, tetapi masa bayaran itu memang ada lewat, barangkali beberapa bulankah daripada masa yang ditentukan dan Jabatan yang berkenaan menerima bayaran itu, masa itu dia tidak kenakan apa-apa, dia terima bayaran, bahkan dia yang menentukan sekian banyak yang kena bayar dan pihak peniaga membayar sebagaimana yang ditentukan oleh Jabatan itu sendiri. Apa yang saya maksudkan, atau complain ini, dua tahun kemudian kerana pertukaran ketua pejabatnya, baharu datang denda—awak dahulu membayar (menghantar penyata) lambat. Dia mesti kena bayar denda. Itu maksud saya.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Kalau sekiranya begitu, bolehlah orang itu menulis supaya meminta pertimbangan semula.

Barangkali harus ada tersilap dalam surat-surat itu, maka bolehlah seseorang yang kena itu membuat rayuan untuk pertimbangan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Berkenaan dengan kesusahan yang dialami oleh peniaga-peniaga bumiputra yang baharu sahaja cuba hendak naik, ertinya yang baharu muncul dalam lapangan perniagaan. Ini, di tiap-tiap buah Negeri dan bandar-bandar yang besar dalam negara kita ini sudahpun ditubuhkan cawangan-cawangan Jabatan Hasil Dalam Negeri dan sekiranya mereka yang kurang mengetahui patutlah pergi ke cawangan-cawangan ini dan meminta nasihat dan pegawai-pegawai itu telah diberi arahan khas untuk menolong anak-anak bumiputra yang tidak mengetahui ataupun kurang mengetahui berkenaan dengan cara-cara memasukkan borang-borang ini, mereka hendaklah menasihatkan kepada pembayar-pembayar cukai itu. Dan juga kita patut memberi pelajaran kepada peniaga-peniaga yang baharu muncul supaya mengetahui berkenaan dengan Undang-undang ini bahkan undang-undang ini bukanlah Undang-undang yang baharu. Jabatan Hasil Dalam Negeri telah ditubuhkan beberapa tahun dan kalau tidak silap saya cukai pendapatan ini mula dibayar kalau mengikut Undang-undang tahun 1954, tetapi cukai pendapatan ini telahpun dibayar sebelum daripada tahun 1954. Undang-undang tahun 1954 itu ialah undang-undang yang baharu. Jadi, bermaknanya rakyat negara ini tidaklah jahil berkenaan dengan income tax ini atau cukai pendapatan. Sungguhpun begitu, kalau sekiranya ada lagi mereka yang kurang memahami, patutlah mereka itu pergi berjumpa dengan wakil rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, meminta nasihat-nasihat mereka dan Ahli-ahli Yang Berhormat ini, saya percaya mereka akan menghantarkan mereka itu ke Jabatan Hasil Dalam Negeri, cawangannya yang ada dalam bandar masing-masing untuk mendapat nasihat yang sepatutnya.

Yang Berhormat Senator Datuk Mansor tadi menyentuhkan berkenaan dengan cukai ataupun pendapatan yang tidak dimasukkan dalam borang income tax tadi, borang cukai pendapatan. Apabila didapati kemudian kelak yang pendapatan itu tidak dimasukkan, maka dikenakan juga denda, dengan sebab tidak dimasukkannya pendapatan itu, tetapi denda ini biasanya adalah sedikit dan pihak

yang berkuasa dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri mengenakan cukai dengan seberapa rendah dan seberapa ringan.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin tadi, iaitu mengenai Fasal 9, ini akan berkuatkuasa daripada assessment tahun 1973.

Yang Berhormat Senator Amaluddin Darus juga mengulangi lagi berkenaan dengan ucapan beliau di hari yang lepas, iaitu berkenaan dengan anak-anak, sepatutnya dimasukkan kalau 20 orang, 20 orang; kalau 40 orang, 40 orang, patut dikecualikan semua. Ini kalau dibuat begini nanti harus kita tidak dapat memungut cukai yang banyak untuk mengadakan rancangan-rancangan yang berfaedah kepada rakyat dan negara kita. Adalah difikirkan 5 orang ini angka yang sangat menasabah dan bukan sahaja angka ini sesuai dengan orang-orang barat ataupun orang-orang Eropah bahkan orang-orang Asia pun pada hari ini memikirkan 5 orang ini adalah satu angka yang sederhana.

Sekianlah, Tuan Yang di Pertua, penjelasan saya mengenai teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di Pertua, untuk penjelasan sedikit. Apa yang saya maksudkan tadi bukannya Fasal 9, saya kata Fasal 14 kerana Fasal 10 dan Fasal 12 itu telah ditetapkan, dan di sini di bawah Fasal 14. Kalau kita tengok di bawah Fasal 14 tak ada disebutkan bila berjalannya kuatkuasa tetapi bila kita lihat ucapan Belanjawan yang dibuat itu ada dikatakan pada 1hb Januari, 1973, muka 38, Tuan Yang di Pertua.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, itupun tahun 1973 juga.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 17* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) (No. 3)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang yang bernama "suatu Akta bagi meminda Akta Kastam, 1967" dibaca untuk kali keduanya.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu ingat bahawa di dalam ucapan Belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 6hb Disember, 1972, beliau telah mengatakan bahawa Kerajaan bercadang hendak memberi banyak lagi kemudahan-kemudahan kastam bagi menggalakan industri-industri untuk pasaran eksport. Pemberian ini akan dibuat melalui suatu pindaan kepada Seksyen 65, Akta Kastam, 1967 bagi membolehkan penubuhan gudang-gudang pengilang berlesen. Pada masa sekarang, Seksyen 65, Akta Kastam, 1967 hanya memberikan kemudahan untuk menyimpan barang-barang di mana duti ke atasnya belum lagi dibayar, di dalam gudang-gudang berlesen. Bagi menggalakkan penubuhan industri-industri untuk pasaran eksport dan seterusnya bagi menggalakkan penyebaran industri-industri tersebut ke kawasan luar bandar, adalah dicadangkan untuk membenarkan industri-industri melakukan proses-proses pengilang di gudang-gudang berlesen seperti yang tersebut di atas. Gudang-gudang pengilangan berlesen ini akan juga mendapat kemudahan-kemudahan yang hampir-hampir sama dengan yang terdapat di dalam zon perdagangan bebas. Oleh itu, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membenarkan proses-proses pengilang dilakukan di gudang-gudang berlesen dengan menambah satu seksyen baharu iaitu Seksyen 65A, kepada Akta Kastam, 1967.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan saya suka menyampaikan sungutan-sungutan dari orang-orang India di kawasan Sentul yang suka minum todi. Mereka mengadu pada saya iaitu pada masa ini penjualan todi tidak macam dahulu lagi dengan sewenang-wenangnya dan mengikut jadual dari pukul 2.00 petang hingga 6.30 petang. Tetapi sekarang apabila sampai sahaja todi-todi itu ke kedai-kedai yang ditetapkan sudah ada pelanggan-pelanggan khas yang membeli bertong-tong, separuh sahaja yang dijual di kedai-kedai todi yang ditetapkan itu dan itulah sebabnya tidak mengikut jadual lagi. Kalau todi-todi itu sampai dalam masa dua jam sahaja sudah habis dijual dan siapa-siapa yang berhajat hendak minum todi lagi terpaksa pergi ke kedai-kedai pelanggan khas ini. Di kedai-kedai ini boleh dapat tetapi harganya sudah mahal dan sudahpun bercampur air.

Saya harap kepada Jabatan Kastam akan mengawasi perkara ini supaya orang-orang India yang suka minum todi dapat membeli mengikut mana dan harga yang ditetapkan, tidak pergi minum di tempat lain dan membayar lebih pula dari harga yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sekianlah rayuan orang-orang India di kawasan Sentul yang suka minum todi saya sampaikan dan saya menyokong Bil untuk diluluskan.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di Pertua, saya tidak hendak bercakap berkenaan perkara todi, tetapi saya hendak menyokong Rang Undang-undang ini dan saya suka juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana dengan adanya Rang Undang-undang ini, maka bolehlah kita banyakkkan lagi pengusaha-pengusaha di luar bandar untuk mengadakan perusahaan-perusahaan yang mana mereka akan mendapat kemudahan sedikit dari segi cukai.

Saya harap selepas Rang Undang-undang ini diluluskan, maka ramai lagi pemodal-pemodal dalam negeri. Ini adalah kerana perusahaan ini tidaklah perusahaan yang begitu besar maka pemodal-pemodal dari negeri ini dapat meluaskan kegiatan mereka

di luar-luar bandar dan tidak semestinya di dalam kawasan-kawasan perusahaan.

Saya cuma ada satu sahaja lagi perkara, Tuan Yang di Pertua, yang saya hendak sentuh ini segi Fasal 2—bahasa, seksyen 65A. Saya percaya Yang Berhormat Menteri dan juga Peguam Negara bersetuju dengan saya bahawa bahasa undang-undang itu adalah satu bahasa yang tepat. Saya tak tahulah di sini barangkali ada kemusykilan sedikit kalau kita baca. Izinkan saya, Tuan Yang di Pertua, membacakan dalam bahasa Inggeris:

“65A. (1) in respect of a warehouse licensed under section 65, the Director General may, at his absolute discretion, on payment of such fees as may be fixed by him in each case, grant an additional licence to the licensee . . . .”

lepas daripada itu yang mustahak.

“ . . . . and when granted withdraw any such licence . . . . ”

Saya harap apa yang dimasukkan di sini bukannya lepas dibenarkan lesen itu ditarik balik, tetapi maknanya kalau ada kesalahan ataupun perkara-perkara yang tidak mengikut undang-undang. Pada masa itulah ditarik balik (withdraw) tetapi kalau saya baca daripada sini nampaknya lain sedikit maknanya, sepatutnya seksyen ini boleh digubalkan supaya dibubuhkan satu seksyen lain yang mana kuasa menarik balik itu ditaruhkan. Saya tak tahulah apa pendapat Yang Berhormat Menteri dan juga Peguam Negara dari segi pembubaran bahawa ini dan dia kata di sini:

“ . . . . grant an additional licence to the licensee and when granted withdraw any such licence . . . . ”

Saya rasa kalau kita pandang dari segi itu barangkali tidak logik. Saya rasa itu tidak maksud undang-undang ini, tetapi kalau seimbab lalu kita baca dari segi bahasa barangkali itu tidak tepat. Sekianlah pandangan saya.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di Pertua, bagi menjawab soalan itu, pada pendapat saya, Penggubal Undang-undang yang menggubal Rang Undang-undang ini memendekkan derafnya itu, dengan demikian bunyinya bagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Tetapi kita tentu maklum kalau benda telah

dikeluarkan dan berkuasa ditarik balik mestilah ada satu-satu sebab yang tertentu.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Saya harap Senator Kamarul Ariffin berpuas hati dengan penerangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Peguam Negara.

Berkenaan dengan tadi, hanya boleh dijual di kedai-kedai yang dihaskan. Jika ada didapati dijual di tempat-tempat lain, diharapkan Yang Berhormat memberi lapuran samada kepada Pejabat Kastam ataupun Polis supaya tindakan seterusnya boleh diambil. Itulah sahaja Tuan Yang di Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG SETEM (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan, iaitu suatu Rang Undang-undang bertajuk “Suatu Akta bagi mengubah kadar-kadar Duti Setem yang kena bayar di bawah Undang-undang berhubung dengan Duti Setem bagi berlain-lain bahagian dalam Malaysia” dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menaikkan kadar-kadar duti setem atas beberapa suratcara-suratcara berkaitan dengan penjualan harta termasuk saham-saham, stok-stok dan cagaran-cagaran yang boleh dipasarkan seperti ternyata dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Kadar-kadar baru duti itu dan sebab-sebab perubahannya telah diterangkan dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 6hb Disember, 1972.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di Pertua, kita semua tahu segala cukai-cukai yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dengan bersyarat hendaklah dicap dengan berupa setem sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri tadi. Tetapi yang anihnya, Tuan Yang di Pertua, sebagaimana di negeri Perlis, Pejabat Pos yang menjual setem itu kedudukannya amatlah jauh daripada tempat bayar cukai iaitu Pejabat Kewangan. Jadi kalaulah seseorang akan membayar cukai macammama kita semua tahu yang disebutkan oleh Menteri tadi, apa pun cukainya, terpaksa beli setem, banyaklah terdapat terutama daripada penduduk luar bandar, setengah daripadanya tak tahu di manakah tempat yang patut ia membeli setem. Apatah lagi yang umurnya sudah lanjut dan uzur. Di Perlis umpamanya tempat hendak membeli setem ialah di Pejabat Pos, Kangar dan tempat untuk dikenakan cap setem ialah di Pejabat Kewangan. Yang agaknyanya tak kurang daripada 5 relong. Jadi terpaksa lah berjalan kaki di situ itupun selepas ditanya beberapa orang baharulah sampai ke Pejabat Pos. Sesudah tiba pula di Pejabat Pos sebagaimana kita tahu di Pejabat Pos pula banyaklah perkara yang terpaksa diselesaikan oleh Pejabat Pos sendiri seperti orang menyimpan wang, orang yang hendak membeli setem dan berbagai lagi kena que seperti motokar hendak pergi kapal haji. Kadang-kadang seorang yang hendak beli setem makan masa sampai dua jam sesudah berjalan kaki pergi dan balik pergi beratur di Pejabat Pos sehingga memakan masa satu jam.

**Tuan Yang di Pertua:** Dalam 4 jam pergi dan balik dari mana ke mana?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di Pertua, saya tak kata 4 jam pergi dan balik,

sesudah pergi ke sana sampai memakan masa dua jam bergilir biasa berlaku, tetapi oleh sebab dia tak tahu tadi terngangnganga, tanya ke sana, tanya ke sini sementara hendak sampai ke situ boleh juga memakan masa sampai 2 jam.

Tuan Yang di Pertua, berjalan itu tidaklah jauh, tetapi oleh sebab tak tahu hendak bertanya daripada seorang kepada seorang lain, baru dia tahu tempat itu. Dengan sebab itu, saya minta pihak Kementerian berkenan biarlah kita tak payah menggunakan dengan setem, kita membuatkan satu cara dengan Pejabat Kewangan untuk menggunakan satu cap yang berupa setem supaya pengguna-pengguna setem tadi tak payah lagi pergi ke Pejabat Pos, pergi dan balik berjam-jam, bahkan Pejabat Kewangan menggunakan satu cap yang berupa bayaran scbagaimana yang dikatakan tadi.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, surat-suratcara yang dikehendaki setem itu ialah sangat berguna kepada seseorang. Jadi patutlah kita mengambil berat sedikit untuk membayar duti setem tadi. Ini tentulah mengambil masa sedikit sebanyak, kerana itu perkara kecil. Saya rasa eloklah orang-orang kita menyedari dan orang-orang sekarang pun semua boleh dikatakan terpelajar, tentulah mereka tidak seperti yang diceritakan oleh Yang Berhormat itu. Barangkali perkara itu ada berlaku kepada orang-orang yang tua benar. Tetapi saya percaya mereka itu ada anak-anaknya yang terpelajar, tentulah anak-anak dapat menolong mereka dan sekiranya payah juga hendak mendapatkan pertolongan anak-anaknya itu, boleh juga berjumpa dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan memberi arahan yang betul kepada mereka itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG INSURAN (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 44 (1), (2), (3) dan (4) Akta Insuran 1963.

Pindaan utama ialah bagi membolehkan syarikat-syarikat insuran nyawa membuat pembayaran sejumlah yang tidak melebihi sembilan per sepuluh daripada wang polisi atau \$10,000 mengikut mana yang kurang, kepada pihak yang menuntut yang sepatutnya, tanpa mengira nilai polisi yang berkenaan.

Mengikut seksyen 44 Akta Insuran, 1963 yang dipakai sekarang, syarikat-syarikat insuran nyawa boleh membayar tuntutan-tuntutan polisi nyawa kepada pihak menuntut yang betul ke atas pemegang-pemegang polisi nyawa tanpa probet dan sebelum penjelasan duti harta pesaka dibuat. Tujuan seksyen ini ialah untuk mengelakkan kelambatan dan mengurangkan kesusahan yang akan menimpa orang-orang tanggungan pemegang polisi itu.

Walaubagaimanapun seksyen 44 adalah terhad kepada kes-kes di mana wang polisi itu tidak lebih \$10,000. Dalam kes-kes seumpama ini, sembilan per sepuluh daripada wang polisi itu boleh dibayar oleh sesebuah syarikat insuran setelah ia memberi tujuh hari notis bertulis kepada Pemungut Duti Harta Pesaka, sementara baki satu per sepuluh itu disimpan oleh syarikat insuran tersebut. Apabila tamat tempoh satu tahun, baki yang satu per sepuluh itu disimpan di Perbendaharaan untuk tujuan membayar duti harta pesaka yang mungkin dikenakan.

Jika wang polisi berjumlah lebih dari \$10,000 syarikat-syarikat insuran tidak boleh membuat apa-apa bayaran langsung sehingga probet atau surat kuasa pesaka diperolehi. Tidak bolehnya syarikat-syarikat insuran membayar dengan segera dalam kes-kes seumpama ini boleh menimbulkan kesusahan

kepada orang-orang tanggungan kepada pemegang-pemegang polisi. Oleh itu adalah perlu untuk dipinda seksyen 44 Akta Insuran, 1963, untuk tujuan mengeneipkan sekatan ini, dengan demikian membolehkan pembayaran dibuat tidak kira berapa jauh pun nilai wang polisi nyawa itu. Pembayaran tanpa probet atau surat kuasa pesaka seumpama itu walaubagaimanapun mestilah tidak lebih sembilan per sepuluh dari wang polisi atau \$10,000, mengikut mana yang kurang dan sebelum sesebuah syarikat insuran itu membuat pembayaran ia adalah dikehendaki di bawah pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini supaya memberi tidak kurang dari empat belas hari notis bertulis melalui pos berdaftar kepada Pemungut Duti Harta Pesaka untuk menggantikan tujuh hari notis bertulis yang ada sekarang, yang tidak perlu dibuat melalui pos berdaftar.

Di bawah pindaan ini adalah juga dimaksudkan untuk membuat syarikat-syarikat insuran nyawa bertanggungjawab terhadap pembayaran kepada orang-orang yang berhak ke atas baki wang polisi yang disimpan oleh mereka di Perbendaharaan di bawah seksyen kecil (4) dalam seksyen 44. Tanggungjawab tersebut tidak lagi akan terletak pada Perbendaharaan.

**Tan Sri Abdul kadir bin Yusof:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan memberi pandangan saya.

Insuran terlampau banyak di negara kita ini, tetapi tidak memberi peluang kerja kepada orang-orang bumiputra diharap Kerajaan akan mengambil perhatian. Satu perkara lagi, Tuan Yang di Pertua, semua syarikat-syarikat insuran ini patut menghantar penyata tahunannya kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat supaya kita tahu perjalanannya, kerana bukan semuanya insuran-insuran ini berjalan dengan betul. Saya juga merayu kepada Kerajaan supaya mengarahkan Insuran-insuran ini menyiasat betul-betul kepada orang-orang yang masuk insuran ini, kerana insuran ini serupa juga seperti E.P.F. Apabila seorang masuk insuran ada menaruh nama waris ialah ibunya atau bapanya dan tidak disiasat samada orang itu ada mempunyai isteri atau anak.

Satu perkara telah terjadi di kawasan saya ada seorang pekerja telah masuk insuran nyawa dan memasukkan isterinya dan tiga orang anaknya menjadi warisnya. Dengan takdir Ilahi mereka bercerai dan isterinya itu meninggal dunia dan anak-anak ini balik ke kampung ibunya. Beliau tinggal seorang diri di Kuala Lumpur, sebab beliau bekerja di sini, kemudian berkahwin dengan seorang wanita dan lama-kelamaan dapat pula tiga orang anak, tetapi dia tidak memberitahu insurannya untuk menukar nama warisnya di dalam borang insurannya, dengan takdir Ilahi beliau pula meninggal dunia. Apabila isteri yang kedua ini pergi mengadakan kepada insuran kerana hendak mengambil wang suaminya, insuran tidak mahu bayar, tidak mahu berikan kepadanya, sebab di dalam borang insurannya nama isteri yang mula-mula dan tiga orang anaknya, maka melepas isteri yang nombor dua dan anak-anak tiga orang dengannya, maka ini patutlah disiasat oleh insuran-insuran supaya jangan berlaku pada masa yang akan datang. Insuran-insuran ini untuk menolong orang-orang yang suka masuk dan yang susah dan bukan hendak menyusahkan orang.

Tuan Yang di Pertua, saya percaya dan saya juga merayu kepada Kerajaan supaya tidak lagi akan mengeluarkan lesen-lesen insuran kepada sesiapa jugapun melainkan ada sekurang-kurangnya 30% modal orang-orang bumiputra dan pada insuran-insuran yang ada sekarang Kerajaan mestilah mengarahkan suruh ambil pekerja-pekerja bumiputra sekurang-kurangnya 30%.

Saya menyokong Bil ini untuk diluluskan.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang ini. Saya cuma ada satu sahaja pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri dari segi Rang Undang-undang ini semada dikenakan kepada semua orang, iaitu termasuk orang-orang Islam yang juga mengambil polisi. Kerana kalau kita pandang di bawah seksyen ini Syarikat Insuran itu setelah dia selesaikan tanggungjawab-tanggungjawabnya di bawah seksyen 2 ini nampaknya selepas dia bayar dia tidak lagi bertanggungjawab iaitu: "The insurer shall be thereby discharged from all liability in respect of the sum paid."

Jadi kadang-kadang ada timbul perkara umpamanya seorang Islam yang mengambil

insuran, dia beri penama (nominee). Di sini soalan nominee ini mungkin menjadi satu soalan undang-undang juga dari segi undang-undang Islam samada nominee-nominee itu berhak menerima kesemuanya atau tidak. Jadi rasa saya perkara ini belum beres lagi, mahkamah belum memutuskan lagi dari segi ini.

Begitu juga dari segi nominee di dalam E.P.F. mungkin itu bertentangan sedikit dengan cara-cara undang-undang Islam. Inilah saya minta penjelasan sedikit samada Rang Undang-undang ini terpakai kepada semua orang termasuk orang-orang Islam juga?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di Pertua, saya menjawab bagi teguran Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin iaitu undang-undang ini meliputi bagi orang Islam dan yang bukan Islam. Undang-undang pada orang-orang Islam ialah Kerajaan Negeri masing-masing yang berkuasanya atas undang-undang Islam. Ini ialah undang-undang Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan, yakni meliputi samada Islam atau bukan Islam. Bermakna undang-undang ini sekiranya dalam satu polisi insuran itu samada orang itu Islam atau bukan Islam, apabila telah dinamakan nominee dalam polisi itu, ertinya insuran membayar terus kepada nominee itu, tidak kirakan orang itu Islam atau bukan Islam, maka lepaslah tanggungjawabnya.

Masalah ini telah ditimbulkan, dan pada masa ini perkara ini dibincangkan dalam Majlis Penasihat Ugama Islam kita di bawah jajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sedang dikaji berkenaan dengan polisi insuran dan juga dalam E.P.F. dan lain-lain. Dan sekiranya dapat persetujuan, perkara itu tidak ada kuasa bagi Kerajaan Persekutuan hendak buat undang-undang, kerana bersangkutan dengan ugama Islam. Perkara itu kelak akan dibawa kepada Majlis Raja-raja. Dan sekiranya kalau ada persetujuan Majlis Raja-raja baharulah pada pandangan saya dihantarkan kepada negeri masing-masing untuk dipindakan undang-undang itu. Perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sedang dikaji sekarang.

**Datuk Haji Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di Pertua.

**Tuan Yang di Pertua:** Minta penjelasan!

**Datuk Haji Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tidak, saya hendak bercakap atas Rang Undang-undang ini kerana Menteri belum menjawab lagi.

**Tuan Yang di Pertua:** Boleh, dipersilakan.

**Datuk Haji Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di Pertua, saya menyokong Rang Undang ini dan saya meminta Menteri yang berkenaan supaya mengkaji bukan sahaja masalah bayaran insuran bagi Insuran Nyawa yang mati sebagaimana yang ada dalam Undang-undang ini, tetapi juga tentang perkara-perkara lain berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan kemalangan. Sebab mengikut apa yang saya ketahui, kalau seseorang kena kemalangan di jalanraya dan sebagainya, biasanya orang itu hendak mendapatkan bayaran insuran ini mengambil masa yang sangat panjang. Kadang-kadang orang yang kena kemalangan itu sudah mati ataupun menderita sampai beberapa bulan baharulah perkara bayaran kemalangan itu dibayar kepada pihak yang berkenaan. Biasanya kelewatan ini disebabkan oleh dua faktor.

Yang pertama, apabila dia kemalangan, dia dimasukkan ke hospital dan setelah dirawat, menunggu repot daripada hospital. Setelah dapat repot hospital, baharu bawa kepada perbincangan. Kemudian menunggu perbincangan pula. Jadi sisakit ini kalau menderita kesakitan, kalau dia sudah menjadi cacat umpamanya, tidak dapat hendak bekerja dan sebagainya, maka dia terpaksa menunggu sampai berbulan-bulan untuk mendapatkan bayaran daripada kemalangan itu. Saya rasa ada jalan bagaimana caranya Kerajaan boleh buat supaya orang yang kena kemalangan ini, sebab semua kenderaan ataupun kenaikan yang dinaiki oleh orang ramai itu ada insuran. Jadi cara mana boleh dipercepatkan usaha membayar insuran kepada mereka yang terkena kemalangan selain daripada insuran nyawa yang ada dalam Bill ini supaya juga dikaji oleh Kerajaan supaya mereka ini dapat layanan yang seberapa cepat yang boleh bagi mendapatkan bayaran kemalangan ini.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, bagi membuat jawapan

teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Haji Yaacob tadi iaitu supaya syarikat insuran mengambil kaki-tangan daripada anak bumiputra dan Melayu, maka sekarang saya boleh menyatakan di sini semua syarikat-syarikat insuran ini menjalankan dasar Kerajaan mengambil bumiputra dan Melayu untuk bekerja di dalam syarikat-syarikat mereka. Tetapi dengan sebab kekurangan orang Melayu yang berkelulusan dalam hal ini, maka adalah kadang-kadang itu tergendala bagi mengambil mereka.

Walau macam manapun, syarikat itu cuba dengan seberapa yang boleh. Sungguhpun begitu, sekiranya kalau ada juga lagi syarikat-syarikat yang tidak mengikut dasar, kalau didapati kurang mengikut dasar Kerajaan, ini mintalah sesiapa yang mengetahui memaklumkan perkara itu kepada Suruhanjaya ataupun kepada Pengarah Besar Insuran (Director-General of Insurance) supaya dapat tindakan seterusnya diambil.

Berkenaan dengan pengesyoran yang dibuat oleh Senator Datuk Nik Hassan tadi, ini adalah betul, memang disedari bahawa bayaran-bayaran kadang-kadang terlewat bukan dua tiga bulan, bahkan bertahun-tahun. Tetapi ini adalah sukar kerana bayaran untuk kecederaan tadi bergantung kepada apakah kecederaan itu. Jadi sebelum dapat ditentukan apakah kecederaan itu, hendaklah diperiksa oleh doktor.

Kalaulah seorang yang kena kemalangan masih dalam hospital, katalah empat atau lima bulan, maka tuan doktor tidak boleh lagi hendak memutuskan atau hendak menentukan bagaimana kerusakan seseorang itu sehingga dia sudah sembuh dan balik dan diperiksa semula beberapa kali, baharulah dapat menentukan dan syarikat insuran tidak akan membayar sekiranya tidak mengetahui tentang kecederaan dan juga kalaulah satu kemalangan itu berlaku, katalah sisakit itu bersalah, ada juga kadang-kadang syarikat insuran tidak hendak membayar kerugian. Jadi tentulah perkara ini terpaksa pergi ke mahkamah dan sebagaimana kita ketahui, kalau banyak sangat kes-kes di mahkamah itu, maka tentulah seseorang itu terpaksa menunggu sedikit masa untuk kes-kes mereka dibicarakan di mahkamah.

Saya suka juga memaklumkan kepada Dewan ini iaitu Biro Bantuan Guaman di bawah Yang Berhormat Peguam Negara sentiasa juga hendak menolong mereka yang harus terlibat dalam kemalangan ini supaya merepot kepada biro ini, muga-muga tindakan yang cepat dapat diambil. Saya rasa peluang ini sangatlah baik bagi orang ramai menggunakan.

Sekianlah sahaja penjelasan saya, Tuan Yang di Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERBANDARAN (PINDAAN) (No. 2)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui):** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama "satu Akta untuk meminda Ordinan Perbandaran" dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang ini mudah difahami dan sepertimana yang telah dijelaskan di dalam keterangan kepada Rang Undang-undang itu, bertujuan meminda Seksyen 29 Ordinan Perbandaran (S. S. Cap. 133) supaya membolehkan perbandaran membayar daripada Kumpulan Wang Perbandaran, perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat oleh pegawai-pegawai dan ahli-ahli majlis ketika menjalankan tugas-tugas resmi di luar kawasan perbandaran dan ketika menghadiri mesyuarat-mesyuarat di persidangan-persidangan yang

diselenggarakan di Malaysia untuk memajukan pentadbiran Kerajaan Tempatan. Nyata bahawa ketiadaan peruntukan begitu di dalam undang-undang, adalah satu perkara yang tidak realistik, dalam ertikata bahawa tanpa peruntukan sedemikian, tidak mungkin dibayar perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat oleh pegawai-pegawai ketika menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang diadakan di Kementerian ini dan di Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian yang berkaitan di Ibu Kota dan juga perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat oleh pegawai-pegawai dan ahli-ahli majlis ketika menghadiri mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Badan-badan Perbandaran yang biasanya mengadakan mesyuarat-mesyuarat tiga bulan sekali mengikut giliran di tiap-tiap negeri dan di mana terdapat perbandaran-perbandaran yang menjadi ahli. Peluang juga diambil untuk meminda Seksyen 29 supaya membolehkan Pegawai-pegawai dan Ahli-ahli Majlis menyertai apa-apa persidangan atau seminar yang diselenggarakan di Malaysia untuk memajukan pentadbiran Kerajaan Tempatan.

Saya juga ingin menambah bahawa sepertimana yang dikehendaki di bawah perkara 95A Perlembagaan Malaysia, Rang Undang-undang ini telah dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan pada mesyuarat-mesyuaratnya yang telah diadakan baru-baru ini.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk S. O. K. Ubaidullah:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG (PERANCANGAN) BANDARAYA KUALA LUMPUR

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk mengawal dan memperatur perancangan yang sepatutnya di Bandaraya Kuala Lumpur, untuk melevi bayaran pembangunan dan untuk maksud-maksud yang berkaitan dengannya atau sebagai tambahan kepadanya, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda dan menggantikan peruntukan-peruntukan tertentu dalam Ordinan No. 46 Kuasa-kuasa Perlu Dharurat, 1970. Di samping itu memasukkan semula Ordinan tersebut ke dalam Undang-undang yang kekal.

Sebagaimana yang tuan sedia maklum, Ordinan No. 46 Kuasa-kuasa Perlu Dharurat, 1970 telah diisytiharkan oleh Yang di Pertuan Agong di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan pada 20hb Ogos, 1970 dahulu. Semenjak Ordinan itu dikuatkuasakan di Bandaraya Kuala Lumpur dari tarikh perisytiharannya sehingga ke hari ini, maka dari pengalaman yang telah diperolehi adalah didapati perlu dipinda beberapa peruntukan-peruntukan di dalamnya dan digantikan dengan peruntukan-peruntukan baharu yang lebih bersesuaian dengan perancangan Bandaraya Kuala Lumpur yang sepatutnya.

Rang Undang-undang ini sebagaimana yang dapat dilihat adalah terbahagi kepada sembilan bahagian dan ringkasan-ringkasan kandungan satu-satu bahagian itu adalah diterangkan di bawah tajuk Huraian di muka 54 Rang Undang-undang naskah Bahasa Malaysia atau di muka 45 naskah bahasa Inggeris.

Dengan secara ringkas kandungan Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

Bahagian I, mengandungi tajuk ringkas, pemakaian, mula berkuatkuasa dan tafsiran.

Bahagian II, membolehkan Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah Akta Ibukota, 1960 menjalankan tugas-tugas dan kuasa-kuasa yang diperihalkan di dalamnya tertakluk, bagaimanapun, kepada kuasa Menteri untuk memberi arahan mengenai dasar perancangan bagi Bandaraya Kuala Lumpur.

Bahagian III, memperihalkan pelan bangunan lengkap atau comprehensive development plan bagi Bandaraya Kuala Lumpur dan juga mengadakan peruntukan-peruntukan bagi menyediakan pelan-pelan susunan atau lay-out plans.

Bahagian IV, menyatakan kandungan acara bagi menyediakan dan menerima pelan pembangunan sementara atau interim development plan.

Bahagian V, ialah berkenaan dengan pengawalan rancangan atau planning control. Ini adalah diterangkan dengan lebih detail lagi di bawah tajuk Huraian Rang Undang-undang ini.

Bahagian VI, ialah berkenaan dengan mengenakan bayaran pembangunan atau development charges. Bayaran-bayaran itu boleh dikenakan ke atas sesuatu pembangunan yang memerlukan perintah pembangunan diberi kebenaran pembangunan itu dijalankan walaupun ia melebihi ketumpatan kediaman purata (average residential density), luas lantai atau nisbah pelot (floor area or plot ratio) yang dinyatakan dalam pelan pembangunan itu atau walaupun dia tidak menepati mana-mana peruntukan yang dinyatakan dalam pelan pembangunan itu.

Seseorang yang tidak puas hati dengan perintah pembayaran development charges itu bolehlah merayu kepada sebuah Lembaga Rayuan atau Appeal Board seperti yang diperuntukan di bawah Fasal 30 (i) Rang Undang-undang itu.

Bahagian VII, adalah berkenaan dengan menubuhkan Lembaga Rayuan dan keanggotaan Lembaga itu. Kelayakan orang-orang yang boleh dilantik menjadi Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga Rayuan itu adalah pada asasnya sama dengan yang dinyatakan dalam seksyen 32 Ordinan No. 46 Darurat, 1970. Walaubagaimanapun peruntukan-peruntukan seksyen 32 (7) Ordinan Darurat, 1970 yang mengkehendaki

keputusan Lembaga Rayuan dibuat dengan undi lebih-suara ahli-ahli yang berkhidmat dalam Lembaga telah dipinda oleh seksyen 33 (8) yang memperuntukkan bahawa Pengerusi adalah pihak-berkuasa untuk memutuskan selepas menimbang pendapat ahli-ahli lain yang berkhidmat dalam Lembaga itu.

Bahagian VIII, mengadakan peruntukan berkenaan dengan pengambilan tanah dengan suatu pemberitahu pembelian atau purchase notice telah dikemukakan kepada Datuk Bandar dan juga mengadakan peruntukan berkenaan dengan pembayaran pampasan bagi pengambilan itu.

Di bawah peruntukan Bahagian ini hak tuan punya berdaftar atau registered proprietor untuk menukarkan purchase notice adalah dikekalkan iaitu jika berkenaan dengan tanahnya satu requisition notice telah dikeluarkan oleh Datuk Bandar, tetapi jika berkenaan dengan tanah yang telah ditolak kebenaran merancang atau jika ia tidak puashati dengan syarat-syarat yang dikenakan atas kemajuan tanahnya itu, hak mengemukakan purchase notice itu telah dipinda iaitu Fasal 34 (1) (a) di bawah Bahagian ini sekarang membenarkan pada keseluruhannya tuan punya berdaftar mengemukakan purchase notice hanya berkenaan dengan tanah yang ditetapkan dalam pelan pembangunan sebagai tertakluk kepada pengambilan bagi maksud-maksud Akta itu. Berhubung dengan ini ia hendaklah juga mengemukakan bukti bahawa tanahnya tidak dapat digunakan dengan berfaedah.

Bahagian IX, adalah mengandungi peruntukan-peruntukan pelbagai yang diperlukan untuk menjalankan kehendak-kehendak Akta yang berkenaan ini dengan sewajarnya.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya diluluskan usul ini bagi bacaan kali yang kedua.

**Datuk S. O. K. Ubaidullah:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Bill ini untuk diluluskan dan saya merayu kepada Datuk Bandar akan mendirikan banyak lagi rumah-rumah pangsa di Bandaraya Kuala Lumpur ini sebab banyak

lagi rakyat yang miskin yang datang berjumpa dengan saya berkehendakkan rumah, orang-orang bergaji kecil layak tinggal di rumah-rumah pangsa ini. Kita tahu pada masa ini banyak swasta mendirikan rumah teres untuk dijual, tetapi harganya sangat tinggi. Orang-orang yang bergaji kecil tidak sanggup membelinya.

Yang kedua, saya merayu kepada Datuk Bandar supaya mendirikan banyak lagi gerai-gerai untuk bumiputra, kerana pada masa ini sudah banyak bumiputra hendak berniaga tetapi gerai tidak ada. Saya juga berharap kepadanya akan menghantar pegawai-pegawainya memeriksa gerai-gerai yang ada yang diberikan itu ada juga orang-orang dapat gerai, tetapi disewakannya patut diadakan surprise check dan diambil tindakan.

Yang ketiga, saya merayu kepada Datuk Bandar akan melawat beberapa kawasan di Kuala Lumpur ini seperti Ipoh Road, Batu Village, Sentul, Sentul Pasar, Chow Kit Road, Tiong Nam Settlement dan kawasan Imbi. Di kawasan-kawasan ini sangat-sangat kotor, sampah-sampah bertaburan di tepi-tepi jalan. Ini akan memalukan kita, sebab pelawat-pelawat datang dari luar negeri ditengoknya kawasan-kawasan ini penuh dengan sampah sarap. Ini akan memalukan Kerajaan kita.

Yang keempat, saya merayu kepada Datuk Bandar akan membuat lagi banyak tempat letak kereta. Pada masa ini tempat letak kereta tidak cukup. Saya cadangkan di atas Sungai Kelang dibuat jambatan dan bolehlah dibuat di tempat letak kereta dan juga saya minta segala Ahli-ahli Dewan Negeri, Dewan Rakyat dan Dewan Negara diberikan tempat letak kereta percuma, sebab memberi kehormatan kepada kerja-kerja dan jasa-jasa mereka kepada rakyat dan patutlah ada bezanya antara rakyat dan ahli-ahli ini bukan nama mereka mendapat layanan ini cuma lima enam tahun sahaja.

Yang kelima, saya merayu kepada Datuk Bandar akan berjalan di bandar Kuala Lumpur ini dan jika didapati rumah-rumah kedai yang "out-of-date" dan "out-of-shape" itu tolonglah robohkan dan arahkan kepada yang mempunyai kedai itu membuat kedai-kedai baharu kerana saya dapati banyak kedai-kedai lama itu sudah patut dipecahkan dan digantikan dengan kedai-kedai baharu.

Kedai-kedai ini di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Sentul dan juga dalam bandar.

Penghabisannya, Pejabat Datuk Bandar yang di tepi sungai itu sudah patut juga dirobohkan dan dialihkan ke tempat lain, kerana tidak sesuai lagi.

Yang keenam, mengekalkan bas stand di Jalan Melaka. Saya dan beberapa penduduk-penduduk dari Kuang, Merbau Sempak, Kubu Gajah, Paya Jarak, Sungai Buluh, Kepung, Jinjang, Batu Village, Selayang Pandang, Selayang Baharu, Sungai Tua, Batu Cave dan Kampung Selayang sangat-sangat berdukacita atas pemindahan perhentian bas-bas Selangor, Omnibus dan Len Omnibus, yang telah dipindahkan ke Jalan Pekeliling, iaitu dua batu dari perhentian yang ada sekarang, di Jalan Melaka. Sepatutnya Datuk Bandar memikirkan sehabis-habisnya terlebih dahulu sebelum memindahkan perhentian bas-bas ini.

Yang menyusahkan ialah murid-murid yang belajar di M.B.S., V.I., M.G.S., Convent, St. John, yang tinggal jauh dari bandar; terpaksa bangun pukul 5 pagi mendapatkan bas ke Kuala Lumpur. Sekarang mereka terpaksa berhenti dua batu dari bandar Kuala Lumpur dan menaiki bas Seri Jaya ke Kuala Lumpur. Selalu mereka sampai betul-betul pada pukul 7.30 pagi. Apabila pertukaran perhentian bas ini digantikan nanti, saya percaya murid-murid yang saya sebutkan nama-nama kampung tadi tidak boleh sampai ke sekolah pukul 7.30 pagi. Mereka akan sampai pukul 8.00 pagi, maka apa boleh buat, nasi sudah menjadi bubur. Saya terpaksa merayu kepada Kementerian Pelajaran, Yang Berhormat Datuk Hussein bin Onn supaya menukarkan waktu masuk sekolah dari pukul 7.30 pagi hingga ke pukul 8.00 pagi. Jikalau tidak, murid-murid yang tinggal di kampung-kampung yang saya sebutkan tadi, tidak kurang daripada 13 buah kampung itu, tidak boleh sampai pada pukul 7.30 pagi. Harap Kementerian Pelajaran atau wakilnya yang ada di Dewan ini mengambil perhatian atas rayuan saya ini untuk faedah beribu-ribu murid-murid yang tinggal di tiga belas buah kampung ini.

Yang ketujuh dan yang penghabisannya, Tuan Yang di Pertua, saya merayu Datuk Bandar supaya akan dapat menukarkan nama-nama papan-papan tanda yang tidak

sesuai lagi pada negara yang sudah merdeka, iaitu nama-nama seperti Jalan Mountbatten, Jalan Birch, Jalan Shaw, Jalan Campbell, Jalan Gurney, Jalan Weld dan sebagainya. Jalan-jalan ini patut digantikan dengan nama-nama rakyat Malaysia yang sudah berjaya termasuk nama-nama Ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat dan juga orang-orang yang sudah berjasa kepada negara dan juga pencipta-pencipta atau pengarang-pengarang buku yang dipakai oleh rakyat.

Sekianlah pandangan saya, Tuan Yang di Pertua. Saya menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

**Tuan Wong Seng Chow:** Tuan Yang di Pertua, saya turut bangun menyokong Rang Undang-undang ini. Adalah benar bahawa Kuala Lumpur, ibu negara pada negara ini di pelan dengan sesuainya supaya membayangkan inspirasi rakyat dan kemakmuran negara ini.

Dalam perancangan Kuala Lumpur, Kerajaan patut memastikan bahawa ia akan menyesuaikan dan membanyakkan berbagai kebudayaan dan tradisi yang berada di dalam negara ini. Kuala Lumpur tidak patut dimajukan sebagai bandar New York atau London. Benda-benda yang lama dan mempunyai nilai tawarikh dan pelancungan mesti disimpan. Kerajaan juga patut memastikan bahawa dalam perancangan Kuala Lumpur, kita tidak menjadikan sebuah hutan konkrit. Orang-orang yang tinggal dan bekerja di Kuala Lumpur mesti diberi tempat untuk hiburan, iaitu tempat-tempat di mana mereka boleh main sukan selepas bekerja atau membawa keluarganya untuk bersiar-siar.

Akta ini telah menimbulkan banyak kesukaan dan kekeciwaan di antara orang ramai. Kesukaan adalah datang dari orang-orang yang memandang untuk satu pertukaran yang lebih baik. Kekeciwaan adalah datang dari sebilangan orang yang mempunyai harta tanah kerana takut kuasa yang dikandungi dalam Akta ini. Kekeciwaan juga datang dari penghuni-penghuni yang tinggal di Kuala Lumpur. Saya merayu kepada pihak-pihak yang berkenaan bahawa dalam pengambilan tanah, ganti-rugi yang menasabah akan diberikan kepada orang-orang itu. Ini akan berfaedah kepada negara jika pihak-pihak yang berkenaan sebelum mengambil balik sesuatu harta umum,

peluang akan diberikan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya menunjukan harta itu bersama-sama dengan Kerajaan.

Di mana-mana yang melibatkan penghuni-penghuni, saya harap satu cadangan yang sesuai akan diadakan sebelum notis pemindahan diserahkan kepada mereka. Tanah-tanah lain mesti disediakan dan ganti-rugi yang cukup juga diperuntukkan untuk membolehkan penghuni-penghuni itu pindah. Memindahkan satu keluarga akan menyebabkan banyak kesukaran dan tugas Kerajaan dalam memajukan negara patut memastikan bahawa orang mendapatkan faedah dan bukan menerbitkan penderitaan mental atau kewangan.

Dalam perancangan Kuala Lumpur peniaga-peniaga kecil dan penjaja juga hendaklah diperuntukkan tempat-tempat untuk berniaga supaya mencari kehidupan mereka.

Sekianlah, saya ucapkan terima kasih.

**Dr Mahathir bin Mohamed:** Tuan Yang di Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang berkenaan Perancangan Kuala Lumpur ini, saya ingin menyebutkan tentang peristiwa yang selalu berlaku apabila sesebuah pekan itu dirancang oleh pihak-pihak yang berkuasa di dalam perancangan.

Kuala Lumpur seperti pekan-pekan yang lain juga bermula sebagai sebuah pekan yang kecil, yang tumbuh dengan tidak ada rancangan. Biasanya di dalam pekan yang kecil yang semacam ini tempat perniagaan diletak di tengah-tengah dan orang-orang yang berniaga mendirikan rumah-rumahnya di keliling tempat berniaga ini, di tempat yang mudah mereka pergi balik, iaitu berdekatan dengan tempat perniagaan. Oleh kerana ini, maka residential area bagi pekan Kuala Lumpur ini adalah dekat dengan tempat perniagaan.

Apabila Kuala Lumpur semakin lama semakin besar, maka Kuala Lumpur berkehendakkan kepada tempat perniagaan yang lebih luas lagi. Tempat yang sesuai untuk perniagaan adalah tempat yang dekat dengan pusat Kuala Lumpur ini, tetapi tempat-tempat ini sudah dijadikan residential area. Pihak-pihak yang ingin mendirikan bangunan-bangunan baharu untuk perniagaan terpaksa meminta kebenaran daripada pihak yang merancang Kuala Lumpur ini supaya ditukarkan syarat berkenaan dengan

tempat-tempat kediaman ataupun residential area ini supaya dapat mereka mendirikan bangunan-bangunan perniagaan, tetapi selalulah terjadi, yang mana pihak yang merancang ini tidak ingin supaya tempat-tempat yang telah dijadikan tempat kediaman ditukarkan syaratnya kepada tempat perniagaan. Ini menimbulkan kesukaran kepada pihak-pihak yang ingin mengembang dan memajukan Bandar Kuala Lumpur ini. Kalau pihak yang merancang tidak melayankan permintaan daripada pihak-pihak peniaga supaya mereka dapat mendirikan bangunan-bangunan ini di tempat-tempat yang sekarang ini menjadi residential area di manakah mereka akan mendirikan tempat bangunan-bangunan perniagaan ini? Kalau mereka mendirikan di tempat-tempat yang terpencil, maka perniagaan tidak akan maju dan tujuan mereka untuk mengembangkan perniagaan di dalam Kuala Lumpur ini akan gagal.

Di dalam soal ini patutlah sikap orang yang merancang Kuala Lumpur ini bertukar sedikit iaitu tidak dapat tiada kalau Kuala Lumpur ini hendak diperluaskan, maka tempat-tempat yang sekarang ini dijadikan tempat kediaman mestilah dengan mudahnya ditukar kepada tempat perniagaan. Sekarang ini kita melihat bahawa tempat-tempat seperti Jalan Ampang yang dahulunya ialah tempat kediaman dibuka supaya bangunan-bangunan perniagaan dapat didirikan di situ, tetapi pertukaran ini mengambil masa yang terlalu sangat sehingga ini merugikan orang yang ingin menanam modal dalam mendirikan bangunan-bangunan perniagaan di Kuala Lumpur ini.

Kita berkehendakkan kepada perancang di dalam sesebuah bandar seperti Kuala Lumpur, tetapi janganlah hendaknya orang-orang yang merancang bandar ini menjadi halangan kepada kemajuan bandar ini sendiri. Mereka sebenarnya mesti bersifat lebih positive di dalam perkara ini iaitu mereka patut mencadangkan cara-cara yang membolehkan pihak-pihak yang ingin mendirikan bangunan perniagaan supaya mereka dapat menjalankan usaha mereka di dalam tempoh masa yang lebih cepat daripada sekarang, tetapi biasanya mereka menjadi halangan. Sekarang ini pula satu daripada dasar Kerajaan ialah supaya lebih banyak bumiputra berniaga di dalam bandar Kuala Lumpur ini dan juga di bandar-bandar yang lain. Oleh sebab itu, maka satu perbadanan

telah ditubuhkan oleh Kerajaan yang dinamakan UDA supaya dengan adanya UDA ini dapatlah bangunan-bangunan baru didirikan untuk menjadi tapak perniagaan bagi pihak bumiputra.

Saya diberitahu bahawa UDA diberi kemudahan-kemudahan supaya UDA dapat mendirikan rumah-rumah ini dengan jangka masa yang cepat. Ini adalah satu tindakan yang baik, tetapi pada mana-mana pihak juga bumiputra yang ingin mendirikan rumah samada mereka dibantu oleh UDA ataupun tidak di dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini, mereka patutlah juga diberi galakan dengan secara pihak yang merancang ini tidak menghalang permohonan mereka.

Tuan Yang di Pertua, selain daripada rancangan, Kuala Lumpur ini—ialah Ibu Kota bagi Malaysia dan kita ingin berbangga dengan kemajuan Kuala Lumpur ini. Tidak berapa lama dahulu di masa kita mengadakan Kerajaan MAGERAN satu usaha telah dijalankan oleh pihak yang berkuasa di Kuala Lumpur supaya Kuala Lumpur ini menjadi sebuah pekan yang bersih. Undang-undang telah diadakan bagi mencegah sesiapa juga membuang sampah di jalan-jalan supaya kita akan ada satu bandaraya yang bersih. Malangnya, undang-undang ini nampaknya pada masa-masa yang akhir ini tidak dijalankan kuatkuasanya. Oleh kerana itu, kalau kita perhatikan Kuala Lumpur sudah balik menjadi satu pekan yang kotor sehingga di dalam satu rencana yang ditulis oleh seorang Ahli Peace Corps daripada Amerika, ianya telah menyebutkan bahawa mereka sedar berkenaan dengan kekotoran pekan-pekan, bandar-bandar di Amerika, tetapi Kuala Lumpur adalah lebih kotor lagi. Ini ialah satu perkara yang memalukan kita iaitu sebuah Ibu Kota tidak dapat kita menjaga kebersihan.

Saya harap bahawa membuat undang-undang cuma akan mendatangkan faedah kalau undang-undang ini dikuatkuasakan, samalah juga dengan undang-undang yang kita akan luluskan pada hari ini. Kalau tidak dikuatkuasakan, maka tidak ada mustahaknya mengadakan undang-undang.

Selain daripada jalan-jalan yang kotor kalau kita perhatikan keadaan Sungai Kelang, sungai ini menjadi sebuah sungai yang begitu kotor sekali. Kalau kita perhatikan di dalam sungai ini serba macam sampah

ada. Sungai ini bukan sahaja patut dibersihkan, sungai ini menjadi saluran bagi air apabila banjir datang ke Kuala Lumpur. Dari itu patutlah sungai ini mengadakan satu bahagian yang kekal (permanent) untuk menjaga supaya sungai ini tidak jadi kotor dan penuh dengan sampah sarap. Keadaan sungai ini adalah buruk sekali, dan saya percaya kalau sampah-sampah ini tidak dibuang dan orang pula dibenarkan membuang sampah ke dalam sungai ini, sudah tentu pada satu hari nanti sampah-sampah ini akan menjadi satu ampangan dan kita akan merasa banjir pada kali yang kedua, kerana air tidak dapat keluar daripada lembah Kuala Lumpur.

Tuan Yang di Pertua, Kuala Lumpur semakin lama semakin banyak penduduk-penduduknya dan kalau kita berjalan di jalan-jalan di tempat yang kedai-kedai banyak, maka banyaklah manusia yang berjalan di atas jalan-jalan ini selain daripada motokar-motokar yang banyak. Mereka ini berkehendakkan supaya senang dan mudah mereka menyeberang jalan-jalan. Sekarang ini pada dua tiga tempat ada over-head bridge. Over-head bridge sebagai satu cara menyeberang jalan tidak begitu menarik, sehingga kita dapati di setengah-setengah tempat sungguhpun didirikan benteng di tengah-tengah jalan supaya orang ramai tidak dapat menyeberang atas jalanraya, mereka memecahkan pagar-pagar ini supaya dapat juga mereka menyeberang dengan tidak payah menaiki over-head bridge ini. Over-head bridge ini tidak begitu menarik oleh kerana ianya terlampau tinggi. Kalau seorang itu berumur sedikit, maka sukar baginya untuk menaiki over-head bridge yang begini tinggi. Apa salahnya kalau kita cuba pula dengan cara mengadakan under ground tunnel. Mungkin apabila disebutkan under ground tunnel ini, maka soal banjir dan dipenuhi air akan timbul, tetapi perkara ini bukanlah satu perkara yang pakar-pakar engineering yang ada sekarang ini tidak dapat mengatasinya. Kelebihan jalan di bawah tanah ini ialah kita bermula dengan menurun, turun tangga. Bagi kebanyakan manusia turun tangga tidak begitu susah daripada menaiki tangga dan kita tidak terpaksa menurun begitu jauh ke bawah, kerana sudah mencukupi kalau kita turun agak 8 kaki ke bawah supaya jalan bawah tanah ini cuma 2 kaki bawah permukaan jalan, sebaliknya over-head bridge ini

kadang-kadang 20 ataupun 25 kaki tinggi daripada jalan, bermakna orang yang ingin menggunakan over-head bridge ini terpaksa mendaki 25 kaki sebelum dapat mereka menyeberang jalan itu, sebaliknya kalau jalan bawah tanah ini digunakan mereka cuma kena turun setakat 8 kaki dan mereka berjalan dan naik sebelah sana cuma 8 kaki sahaja. Ini tidaklah begitu menyusahkan orang-orang yang ingin menggunakan jalan bawah tanah ini.

Di negara-negara lain, kita lihat bahawa jalan di bawah tanah ini digunakan untuk menyeberangi jalan, mungkin di negara kita ini kerana terlampau banyak hujan kita tidak ingin mengadakan jalan bawah tanah ini, tetapi saya percaya pakar-pakar engineering boleh mencari jalan supaya soal hujan ini dapat diatasi mungkin dengan adanya bumbung di tempat yang kita masukkan jalan bawah tanah ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di Pertua, saya ingin menegur sedikit berkenaan dengan meter-meter air. Kita memang berkehendakan supaya bandar Kuala Lumpur ini menjadi satu Bandaraya yang cantik, tetapi mungkin kerana lebih mudah lagi orang-orang yang bekerja membaca meter-meter air itu, maka meter air diletakkan di hadapan kedai.

Di Jalan Bukit Bintang umpamanya, kedai-kedai yang baru didirikan ada begitu banyak sekali paip-paip air dan meter-meter itu yang timbul di atas kaki-lima sehingga menghalang perjalanan orang-orang di situ. Dan ianya juga menjadikan rumah yang cantik itu kelihatan begitu hodoh. Saya percaya, kita dapat mencari jalan lain supaya meter air itu ditaruh di belakang rumah kedai supaya tidak begitu menjolok mata.

Satu lagi perkara yang saya ingin sebutkan ialah berkenaan dengan lampu isyarat. Lampu isyarat ini, saya telah menegur di dalam Dewan Rakyat empat lima tahun dahulu iaitu selalunya lori-lori bertumpu dengan lampu isyarat itu dan lampu-lampu isyarat itu terpaksa diperbaiki. Kita patut memikirkan supaya lampu isyarat itu dijauhkan sedikit daripada tepi jalan supaya lori-lori yang belok ke kiri tidak melanggar tiang lampu-lampu isyarat itu. Perkara ini boleh dibuat, kalau lampu itu dinaikkan tinggi lampu ataupun digantung daripada tiang yang lebih tinggi. Tetapi lampu isyarat

yang kita selalu nampak itu hanya dibeli daripada England sahaja, tidaklah sesuai untuk drebar-drebar lori dalam negara kita ini. Saya percaya, kalau pihak yang merancang Bandaraya Kuala Lumpur ini dapat memikirkan berkenaan dengan perkara ini, kejadian melanggar tiang lampu isyarat itu tidak akan berlaku.

Akhir sekali, Tuan Yang di Pertua, saya ingin menyebut berkenaan dengan lalu lintas (traffic) melalui Kuala Lumpur. Sekarang ini siapa juga yang ingin ke Seremban daripada Klang ataupun daripada Subang terpaksa datang ke Kuala Lumpur dan mengambil jalan ke Seremban, iaitu mereka terpaksa berjalan jauh. Mungkin ada jalan yang kecil-kecil yang menyambung antara jalan Kelang ke Kajang, tetapi saya belum jumpa jalan itu. Supaya kita dapat meringankan sedikit bilangan lori-lori dan kereta-kereta yang terpaksa pergi ke Seremban daripada Subang ataupun Kelang, adalah baik kalau kita membuat satu jalanraya supaya orang daripada tempat itu tidak payah melalui Kuala Lumpur dengan mengadakan satu bypass yang boleh mengurangkan bilangan trafik daripada Federal Highway No. 1 ke Jalan Seremban. Kalau perkara itu dapat dibuat oleh Kerajaan, saya percaya, maka bilangan lori-lori dan kereta-kereta yang menggunakan Pusat Bandar Ibu Kota ini akan menjadi kurang dan ini akan menyenangkan lagi jagaan tentang lalu-lintas melalui Bandaraya Kuala Lumpur.

Saya menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 4.45 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.05 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)

**Tuan Zainuddin bin Haji Mohd. Sidin:** Tuan Yang di Pertua, saya menyokong penuh Akta Perancangan Bandaraya Kuala Lumpur 1972 yang dibentangkan di hadapan kita di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di Pertua, Bandaraya Kuala Lumpur adalah menjadi Ibukota Malaysia, pusat pentadbiran, pusat perdagangan dan tempat pertembungan kebudayaan barat dan timur Malaysia.

Sukalah saya mengulangi sejarah Kuala Lumpur yang mana mengikut sejarah kira-kira 115 tahun dahulu, seorang putera Raja yang bernama Raja Abdullah bin Raja Jaafar yang mendarat di sebuah tempat yang letaknya di persimpangan Sungai Kelang dan Sungai Gombak yang mana tempat itu dipanggil Lumpur. Dari tempat itu beliau membawa orang-orangnya berjalan ke darat lalu sampai ke suatu tempat yang dinamakan Ampang. Dari sinilah beliau mengarahkan pekerja-pekerja meneroka tanah, menebas, menebang hutan dan seterusnya membuka lombong bijih timah.

Pada mula-mulanya peneroka melombong ini adalah terdiri daripada orang-orang Melayu, begitu juga kedai-kedai dan gerai-gerai dan lain-lainnya dikendalikan oleh orang-orang Melayu. Pendek kata waktu itu kegiatan ekonomi memang sudah ada bagi orang-orang Melayu mengambil bahagian berniaga, melombong dan permodalan. Oleh itu, patut benarlah Kerajaan mengambil pertimbangan dan mengambil peringatan yang bersejarah untuk mengadakan *Tugu Peringatan* bagi nama Raja Abdullah bin Raja Jaafar yang telah mula-mula mendarat dan meneroka tempat Kuala Lumpur ini sehingga telah menjadi Bandaraya dan Ibu Kota Malaysia.

Tuan Yang di Pertua, pada 1 haribulan Februari, 1971 di bangunan Parlimen ini telah mengambil sempena mengadakan penganugerahan taraf Bandaraya Kuala Lumpur dan telah melantik Yang Berbahagia Datuk Bandar. Di dalam ucapannya Yang Berbahagia Datuk Bandar, beliau menyatakan bahawa beliau mempunyai dua tugas yang penting iaitu menyusun masyarakat Kuala Lumpur supaya lahir satu perwatakan nasional dalam bidang pembaharuan bandar.

Yang keduanya, melahirkan masyarakat dagang di kalangan bumiputra di tengah-tengah bandaraya selaras dengan Dasar Ekonomi Baharu Kerajaan. Ini bererti bahawa Datuk Bandar mahukan orang-orang bumiputra, selain daripada makan gaji, hendaklah berkecimpung dalam bidang perniagaan bukan secara kecil-kecil bahkan

mestilah menjadi aktif merebut dalam semua lapangan dan dalam kegiatan ekonomi dan bukanlah sebagai pemerhati yang pasif.

Tuan Yang di Pertua, dengan perubahan taraf Kuala Lumpur dari sebuah bandaraya adalah diharapkan supaya wujudnya kata-kata Datuk Bandar itu dalam erti kata sebagai sebuah masyarakat yang bersatupadu dan seimbang mengamalkan cara hidup kepada prinsip-prinsip Rukunegara di mana semua kaum dapat menikmati kekayaan negara dengan sama rata dan adil. Di waktu ini status Ibu Kota untuk menggambarkan pengertian yang saya sebutkan tadi masih longgar lagi. Intergrasi penduduk belum wujud. Distribusi penduduk masih menunjukkan sifat perkauman. Pemilik-pemilik rumah tidak juga seimbang. Begitu juga dipandang dari segi perniagaan hanya dari golongan kecil yang mempunyai gerai-gerai kecil sahaja.

Tuan Yang di Pertua, di sini jelaslah menunjukkan belum lahir lagi satu perwatakan nasional yang dipisahkan oleh faktor-faktor ilmu alam. Walaubagaimanapun saya percaya Kerajaan akan berusaha dari sekarang untuk mencerminkan keperibadian Malaysia dan perwatakan nasional akan lahir juga apabila Rang Undang-undang ini diluluskan. Jadi itulah yang saya bangkitkan bukan saya menyinggung kepada satu Akta kepada satu Akta melainkan keseluruhannya pada pandangan saya, Tuan Yang di Pertua.

**Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Akta (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di Pertua, Bandaraya Kuala Lumpur ini ialah satu bandar yang paling sibuk dengan kereta-keretanya di segenap tempat di mana rakyat bertumpu kepada Bandaraya ini samada mereka yang pergi ke sekolah-sekolah, ke pasar-pasar dan juga pelancang-pelancang.

Baharu-baharu ini pada 15hb Februari, 1973 Kerajaan dalam menjaga keadaan Bandaraya Kuala Lumpur telah membelanjakan wang beribu-ribu ringgit untuk membina suatu tempat bus terminus ataupun tempat perhentian bas bagi semua syarikat-syarikat bas mestilah menumpukan ke suatu tempat di Jalan Perkeliling di mana tempat

perhentian bas yang lama di Jalan Melaka telahpun ditutup kerana hendak digunakan tapak kawasan itu. Tetapi malangnya, jikalau kita kaji dan, kalau Tuan Yang di Pertua sendiri melihat syarikat-syarikat bas yang datang daripada Tanjong Malim, Pahang ataupun Kuala Selangor bukannya mereka itu terus pergi ke Jalan Perkeliling di tempat perhentian bas baharu itu, tetapi sebaliknya pergi ke bandar pula, pada hal kita tahu di dalam Bandaraya ini sangatlah sibuk dan kereta-kereta dan manusia terlampau banyak meletakkan penumpang-penumpang dan mengambilnya pula daripada situ menghantarkan ke Chow Kit Road dan balik pula ke Jalan Perkeliling melalui terminus.

Rancangan ini tentulah ada kajian lebih dahulu diperbuat di antara Pejabat Lalulintas, Pejabat Perhubungan dan Pejabat Bandaraya supaya menyenangkan penumpang-penumpang di dalam bas, menyenangkan pemandu-pemandu yang menggunakan jalanraya, di dalam bandar Ibu Kota ini, tetapi sebaliknya kalau bas yang begitu banyak yang boleh berjalan senang dengan tidak menggunakan Jalan Tuanku Abdul Rahman ataupun Jalan Raja Laut, atau Jalan Kuching, alangkah senang pemandu-pemandu yang menggunakan jalanraya ini dengan tidak dilalui oleh bas-bas yang ada sekarang ini?

Tuan Yang di Pertua, kita katakan kita berkehendakkan rakyat senang, penumpang-penumpang bas senang, tetapi cuba Tuan Yang di Pertua lihat di Jalan Raja Laut itu, banyak manusia-manusia menunggu bas, kerana ada beberapa buah syarikat bas di situ, mereka ini semua naik di situ. Katanya tidak boleh naik, turun pula, naik bas lain, turun pula naik bas lain. Inilah akibatnya yang berlaku. Bas yang hendak pergi ke Kepong tetapi orang yang hendak pergi ke Chow Kit Road naik bas itu juga, jadi dia terpaksa turun. Ini mengganggu penumpang-penumpang.

Saya berharap Kerajaan akan mengambil perhatian yang berat tentang hal ini sungguhpun Jalan Raja Laut itu jalan baharu dan Jalan Kuching juga jalan baharu, tetapi kesenangan penumpang-penumpang ini hendaklah diutamakan dan juga orang-orang yang mempunyai kereta yang begitu banyak, hendaklah kita ambil perhatian.

Jikalau Tuan Yang di Pertua pergi melihat Jalan Campbell di sana begitulah keadaan kesesakan kereta di jalan raya, mengapa Bandaraya tidak mengambil perhatian yang berat untuk digunakan dengan one-way traffic atau dengan satu jalan sahaja di jalan itu demi kesenangan orang-orang yang membawa kereta-kereta.

**Datuk Haji Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya suka memberi sedikit pandangan saya kepada Undang-undang (Perancangan) Bandaraya ini.

Yang pertama sekali, saya suka hendak sebutkan di sini ialah merancang sebuah Bandaraya yang baik dan teratur. Ini saya suka hendak menunjukkan satu masalah yang patut dipertimbangkan oleh Kementerian yang berkenaan dalam merancang Bandaraya ini, iaitu mengikut setahu saya pada masa ini barangkali Kerajaan akan merancang supaya dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini akan dihapuskan segala perusahaan ataupun segala tempat perusahaan samada kecil ataupun besar supaya tidak termasuk dalam kawasan Bandaraya itu.

Satu perkara yang suka saya memberi pandangan ialah tentang perusahaan kecil yang boleh kita panggil cottage industry. Dalam Bandaraya ini, kita akan membuat rumah-rumah flat untuk tinggal, tetapi orang yang duduk dalam Bandaraya ini mereka mahu kepada pekerjaan mereka tidak mampu duduk di Bandaraya ini kemudian mereka terpaksa menaiki bas ataupun naik satu kenderaan yang terpaksa dia pergi ke Batu Tiga umpamanya, untuk bekerja di dalam satu-satu perusahaan yang kecil di sana. Apa yang saya maksudkan dalam percakapan saya ini, ialah perusahaan-perusahaan kecil seperti perusahaan-perusahaan membaiki motokar, perusahaan-perusahaan menjahit, perusahaan-perusahaan yang merupakan perusahaan kecil yang dipanggil cottage industry. Kalau perusahaan-perusahaan kecil ini dihapuskan terus daripada Bandaraya ini, saya rasa, ini menyusahkan orang-orang yang duduk dalam Bandaraya ini untuk mencari pekerjaan, untuk kehidupan mereka. Eloklah kalau sekiranya kita buat flat-flat di sini, diberikan kemudahan kepada mereka ini mengadakan

cottage industry secara kecil yang tidak mengganggu kesihatan ataupun kebersihan udara di kawasan Bandaraya ini. Dan cottage industry seumpama ini boleh memberi pekerjaan kepada orang-orang yang duduk di kawasan-kawasan rumah-rumah pangsa yang ada ini seluruh Bandaraya ini.

Satu lagi masalah yang besar yang belum dapat diselesaikan oleh Bandaraya ialah banjir. Kita plan begitu-begini, tetapi nampaknya tiap-tiap tahun banjir itu mesti ada. Musim hujan orang daripada Kuala Lumpur hendak pergi ke Petaling Jaya melalui Jalan Bangsar, hujan lebat sedikit sudah tidak boleh hendak jalan, kerana banjir. Sekarang ini musim banjir, kalau hujan lebat pun tidak boleh lalu, tenggelam. Jadi usaha menghapuskan kawasan-kawasan banjir ini patut dibuat dengan secara bersungguh-sungguh walaupun terpaksa makan perbelanjaan yang besar supaya Bandaraya kita ini bersih terelak daripada kejadian banjir ini.

Saya suka hendak mengingatkan Kementerian yang berkenaan dengan kekotoran udara. Kekotoran udara ini timbul di dalam mana-mana negeri yang besar, bandar-bandar yang besar-besar bagaimana yang saya tahu bandar Tokyo dan Jepun umpamanya. Kekotoran udara ini sudah tidak terkawal lagi sehingga manusia tidak begitu sihat, sehingga kadang-kala tidak dapat hendak melihat langit kerana terlampau banyak kekotoran udara, gelap sekali udara di dalam bandar Tokyo itu. Jikalau kita plan bandaraya kita ini biar kita tidak akan menempuh nasib kekotoran udara sebagaimana negeri-negeri besar itu.

Perkara perumahan. Saya nampak makin ramai orang duduk di Kuala Lumpur, makin susah hendak mendapatkan rumah tempat tinggal ataupun tempat menyewa. Sepatutnya kita memberi satu pandangan yang istimewa ataupun, kalau boleh, pihak Kementerian yang berkenaan berusaha dengan Kerajaan supaya diperbesarkan bantuan-bantuan kewangan kepada perbadanan-perbadanan ataupun seperti di Selangor ini, kita adakan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor untuk mendirikan rumah-rumah. Sebab dalam negeri Selangor ini banyak tanah-tanah bekas lombong yang luas beribu-ribu ekar, tetapi tanah ini tinggal kosong begitu sahaja. Mengikut apa yang saya tahu tanah ini masih lagi dipajak oleh company-

company lombong itu. Kalau tanah itu kita hendak menunggu sampai habis tempoh pajakan, saya rasa, ini sudah merugikan kita. Sepatutnya Kerajaan mengambil tindakan segera membatalkan kerana lombong sudah tidak ada, tanah tinggal kosong begitu, ini merugikan. Manusia berkehendakkan kepada tanah, berkehendakkan kepada rumah, hari-hari duduk menunggu. Kalau boleh, batalkan dengan cara undang-undang, dengan cara terpaksa kita bawa ke Parlimen untuk membatalkan segala perjanjian pajakan yang ada mengenai tanah-tanah lombong yang sudahpun habis dikerjakan itu supaya tidaklah rakyat di dalam bandaraya ini menderita dengan kelaparan rumah dan tanah.

Berkenaan dengan lori. Saya dapat tahu lori yang masuk ke bandaraya ini kadang-kadang dia terbalik di tengah-tengah bandaraya dengan muatan yang begitu banyak—ini membahayakan. Saya tidak hendak mencadangkan supaya diadakan sekatan secara langsung kepada pergerakan lori masuk ke pusat bandaraya ini, tetapi saya rasa Kerajaan boleh mengenakan undang-undang supaya lori-lori itu boleh bawa barang masuk ke pusat bandaraya ini pada waktu malam, waktu mana manusia separuhnya sudah tidur, jadi separuhnya yang masih berkerja barangkali separuh tidur, perjalanan traffic di tengah jalan itu tidaklah begitu sebok, bolehlah lori itu dibenarkan masuk untuk menghantar barang-barangnya.

Kalau sekiranya pada siang hari dibenarkan lori-lori ini, kalau kita tengok di Foch Avenue umpamanya, dan di sebelah Petaling bila lori pergi di situ sahaja sudah tidak boleh lalu dengan barang yang begitu penuh, dan kadang-kadang lori-lori ini dia berjalan dengan laju, masa dia corner dekat jejambat itu dia terbalik di tengah-tengah. Ini sangat merbahaya. Kalau dia terbalik atas motokar apa hendak jadi pada manusia yang ada dalam motokar itupun tidak tahu dengan muatan yang begitu banyak. Jadi patutlah dikenakan sekatan lori tidak boleh masuk untuk menghantar barang dipusat bandaraya, melainkan pada waktu malam iaitu waktu lengang sedikit dan tidak begitu sebok sangat.

Masalah yang besar ialah parking space. Saya tengok ini sudah menjadi satu problem besar tempat meletak kereta. Saya datang daripada Kelantan dengan motokar, taruh

kereta silap sedikit kena saman \$40.00 chargenya—itu teruk sampai \$40.00. Ada satu ketika dia hendak merantai pula motokar itu, hendak dirantaikan macam kena belunggu motokar itu. Ini nasib baik dihapuskan, kalau tidak, teruk. Belunggu tayar kereta itu, tidak bayar \$60.00 tidak buka belunggu macam motokar itu sudah menjadi macam gergasi hendak menjahanamkan bandaraya. Ini, saya rasa, terlampau sangat. Orang yang memikirkan perkara pelaksanaan hendak menyekatkan kesalahan parking ini terlampau—kalau kita kata kejam, tidak baik sangat, terlampau kasar fikirannya itu. Kalau saya salah letak kereta \$40.00, salah letak \$40.00. Pada halnya boleh diberi amaran, awak ini jangan letak di sini, ini tempat salah, umpamanya. Ini tidak. Kita lihat Polis Traffic dengan booknya itu, macam harimau hendak menelan driver yang ada dekatnya. Ini, rasa saya terlampau. Kalau kita boleh adakan parking space yang cukup tidak apa, ini kita tidak boleh mengadakan tempat, tetapi kita hendak sembelih semua orang yang membuat kesalahan. Patut kita ikhtiar macam mana hendak mengadakan parking space yang cukup bukan hendak ikhtiar macam mana hendak membunuh manusia yang membawa kereta ini. Ini kita mestilah fikirkan bagaimanakah hendak mencukupkan parking space ini.

Dan kadang-kala kita pergi ke pejabat di Jalan Raja umpamanya, parking space sudah ditulis, nombor, semuanya penuh. Si kawan hendak membuat kerja, hendak pergi menghantar surat ataupun urusan hendak pergi ke sana, hendak parking nombor sudah ada. Kalau ditaruh kereta di tempat nombor yang sudah ada itu \$40.00 juga kena, tetapi kereta tidak ada nombor sahaja yang ada, tempat itu kosong. Kita hendak taruh kereta tidak boleh, kerana nombor sudah ada, sudah register nombor kereta itu. Inipun tidak adil juga. Kalau sudah kereta tidak mahu ditaruh di situ tidak usah adakan nombor itu, fikirkan cara lain. Kalau pejabat itu tidak ada parking space untuk pegawai, buat parking space bertingkat-tingkat yang boleh pegawai meletakkan kereta di situ, orang lain boleh meletakkan di bawah umpamanya. Fikirkanlah benda yang boleh menyelamatkan, menyenangkan manusia-manusia yang ramai yang ada urusan sama.

Kalau saya hendak pergi ke Pejabat Tanah umpamanya, urusan sama dengan pegawai

yang ada di dalam Pejabat Tanah untuk menguruskan kerja dia. Kalau dia boleh dapat nombor, tetap saya pun patut ada nombor juga tetap di situ. Ini yang patut kita timbangkan.

Dalam masaalah nombor tetap ini patut ditimbangkan kembali, jangan adakan nombor tetap. Sebab kadang kala nombor tetap ini merugikan, tempat-tempat yang mustahak kepada mereka yang berkehendakkan kepada tempat meletakkan kereta itu.

Dan pada akhirnya, saya rasa, satu benda yang sangat kotor di dalam Bandaraya ialah membiarkan mereka yang ada di flat ini menghulurkan buluh taruh kain—menjemur. Saya tengok di flat-flat itu macam China Town di Hong Kong, penuh dengan buluh-buluh. Ini kita kena fikir baik-baik untuk kebersihan rupa bandar kita ini. Kita buat flat sediakan tempat yang dia boleh menjemur kain. Kita tidak boleh marah kepada mereka, kerana menghulurkan buluh menjemur kain, kerana mereka tidak ada tempat untuk menjemur kain. Buatlah flat yang membolehkan mereka ini menjemur kain, bukan mesti panjang begitu, boleh buat bulat. Barangkali dapur misalnya ada space yang lebih sedikit dia buat satu benda yang bulat di situ supaya boleh menjemur kain di dalam rumah flat itu, tetapi tidaklah terkeluar begitu sahaja, macam bendera nampaknya. Ini mengotorkan pandangan.

Saya rasa, inipun patut diambil ingatan dan difikirkan cara mana untuk dapat kita bersihkan pandangan pelawat-pelawat yang datang ke negara kita ini.

**Tuan Haji Hassan bin Haji Yaakub:** Tuan Yang di Pertua, memberi saya peluang dan saya cuba bercakap sedikit dalam hal perbandaran kita yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di Pertua, saya teringat kebersihan perbandaran telah dijalankan dengan kempen yang baik pada masa yang lepas. Sesiapa juga yang membuang sampah dan sebagainya, bagi kotor bandaraya itu, orang ini akan didenda, tetapi apa yang saya mushkilkan, Tuan Yang di Pertua, kempen tinggal kempen, kebersihan, ke-kotoran bandar, berlaku juga. Apa yang saya hendak tegurkan ini namun untuk kebaikan bandar kita seganding dengan nama negara kita yang masyor pada hari ini. Saya berharap dalam kebersihan bandar ini hendaklah dijaga dengan baik.

Satu daripadanya bolehlah saya sebutkan. Tempatnya, saya tinggal di Chow Kit Road, di sana murah, walaupun tambahan naik, tetapi itu untuk saya. Banyak kawan-kawan marah. Apa yang saya tengok dekat market sana, sebelah malam orang yang menjual makanan adalah orang-orang Melayu—bumiputra. Tempatnya pun tidak berapa elok, barangkali syukurlah dapat memberi peluang mereka-mereka ini berniaga di sana, tetapi sebaliknya, waktu siang ada setengahnya peniaga-peniaga menjual ikan. Ikan ini maklumlah kalau sudah lama airnya itu tidak dibasuh, barangkali baunya tentulah busuk. Kita semua tahu. Kalau tidak percaya sekarang pun boleh pergi tengok memang cukup busuk, tambahan pula, Tuan Yang di Pertua, waktu malam. Bila embun turun, tekanan embun itu turun ke bumi dan hawa daripada bumi naik. Kalau kita lalu, tidak tutup hidung, Tuhan sahaja yang tahu. Kalau tidak pengsan, mereka cabut lari. Inikah satu nama tempat ibu kota negara kita, keadaan kebersihannya yang kita kehendaki. Ini patutlah diambil perhatian dengan sebaik-baiknya supaya pelawat-pelawat yang masuk ke negeri kita betul-betul diakui kebersihannya.

Tuan Yang di Pertua, mengenai penerbangan MAS. Memang diakui kapal terbang ini baik, tempat cushionnya bagus dan kental, tetapi apa yang tidak baik, ialah pelayannya kurang baik. Ini yang mencemarkan MAS kita. Teguran ini cukup ikhlas, tidak ada sentimen. Ini hendak dijaga. Siapa yang naik MAS tentu mereka tahu. Inilah misalnya. Begitu jugalah dalam bandar, orang-orang yang menjaga, pelayan itupun hendak dijaga baik ataupun Menterinya itu hendaklah bekerja keras betul-betul supaya nama baik negara kita ataupun nama Menteri itu dapat harum walaupun ia habis perkhidmatannya.

Yang kedua saya berharap seimbangan nama Ibu Kota, duduknya rakyat berbilang bangsa, bagilah peluang dan carikan tempat yang sewajarnya supaya bumiputra ini dapat menjalankan perniagaannya sedikit sebanyak dengan teratur, yang elok.

Saya berbalik kepada Chow Kit Road. Saya fikir, Tuan Yang di Pertua, juga ada pergi ke sana waktu malam. Kalau tidak ada, tak apalah, bolehlah pergi lain kali. Tolonglah tengok di sana, kesihan menengokkannya. Wahai rakyat bumiputra

menumpang berniaga seorang pun tak tahu datang daripada mana. Ada juga Tengku Mahyuddin. Dia ini cukup usaha, saya tidak mengampu dia, Tuan Yang di Pertua, tetapi saya memandang kepada usahanya hendak naikkan taraf peniaga sedikit daripada hawkers itu cukup susah nampaknya. Kenapa tidak susah, barangkali dia orang bawah, maka tekanan yang atas itu kuat, haraplah diambil perhatian. Usaha yang dimajukan oleh Tengku Mahyuddin itu dapat perhatian dan kalau dapat perhatian, maka peniaga-peniaga yang ada di sana, sebagai bumiputra dapat layanan yang baik dan semoga dapat berniaga dengan baik dan tidaklah kacau-bilau, seperti apa yang saya nampak hari ini, dia tindih dia, dia tindih dia.

Kalau hendak dibahagi tempat di Chow Kit Road ini bagi bumiputra untuk menjalankan perniagaan sedikit sebanyak menjual satay. Ini bukan hendak berniaga gedung: jual satay, nasi goreng, mee rebus dan sebagainya yang ada. Inipun kalau tidak dapat diberi dengan sempurna bagaimana agaknya, yang hendak dibahagikan bumiputra ini berniaga di gedung yang besar, rumah yang naiknya bertingkat-tingkat yang ada pada hari ini, hendak masukkan bumiputra berniaga di sana, saya rasa jauh panggang dari api. Di sana mesti ada wang panas pula, kalau kita hendakkan rumah. Wang panas ini ialah dengan tujuan hendak mendapatkan tanah dan rumah—tetapi mereka berselindung, mereka tidak beri tahu. Ini hendaklah dijaga. Orang bumiputra ini bukan mempunyai wang yang banyak. Berniaga mee itu pun susah. Kalau hendak diberi, hendak diseimbangkan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Tun hendak disamakan taraf hidup kaum-kaum yang berbilang bangsa di dalam negara kita, ini hendaklah dikaji betul-betul. Naik sahaja rumah ini, maka perbadanan utukkan, ini untuk bumiputra, baharu boleh dapat masuk. Kalau diutukkan sahaja, kalau tidak dengan cukup akuhan, saya percaya bumiputra akan hilang. Mereka tidak dapat masuk di sana, kerana wang panas ini tidak ada. Tidak dapat masuk. Ini akan sia-sia sahaja tenaga yang dikeluarkan.

Inilah yang dapat saya suarakan, Tuan Yang di Pertua, semoga Bandaraya Kuala Lumpur dapat diaturkan dengan baik, pelancung-pelancung pun dapat memberi nama yang baik apabila mereka melawat ke

negeri kita ini dan dapat kenangan-kenangan apabila beliau balik ke negerinya.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di Pertua, semenjak kita memasuki zaman bandaraya, belumlah banyak perubahan-perubahan yang kita dapat lihat, kecuali bangunan yang memang pun sudah dirancangan sebelum bandaraya itu diwujudkan. Sudah tentu kita tidak boleh melihat perubahan akan berlaku dalam satu masa, akan tetapi saya katakan kita ini selalu ketinggalan keretapi. Bila kita menyebutkan kita ketinggalan keretapi, tentu kita buat misalan kepada negara yang dekat dengan kita dan ini memalukan kita.

Misalnya waktu kita baharu berfikir-fikir hendak membuat bayaran 10 sen untuk parking kereta, orang Singapura memikirkan soal menggaji attendan. Dan kemudian lama baharu kita berubah cara kita, sesudah banyak peti-peti itu dipecahkan orang, baharu kita tukarkan. Di waktu kita memikirkan soal pembangunan (urban and rural) orang kita dapat melihat sendiri betapa perkembangannya pembangunan rural di Singapura berlaku begitu pesat, dan saya rasa, kalau kita bercakap sendiri ada lebih baik daripada orang lain menyerang kita. Bahawa ini adalah hakikat yang sebenar kita terlalu lewat, terlalu lambat. Sesuatu yang mahu kita buat kalau telah dirancang dan baik bagi faedah kita mesti dilaksanakan secepat mungkin dan dengan itu membuktikan bahawa kita mempunyai kebolehan dan kemampuan untuk bertindak dalam mengejar waktu yang begitu cepat berputar di zaman kita ini.

Satu contoh, perubahan perhentian bas di Kuala Lumpur. Datuk Bandaraya dan Pegawai-pegawai Bandaraya telah bertindak menyediakan satu rancangan iaitu bas-bas yang datang dari utara atau daripada Pantai Timur harus bertempat bukan lagi di Jalan Melaka, tetapi harus bertempat di Jalan Pekeliling dekat dengan bangunan flat bandaraya di sana. Persiapan belum matang, perintah telah dikeluarkan bertindak, dan ini memberi jalan kepada Menteri kita untuk menyatakan terang-terang di muka orangramai betapa tidak betulnya kerja-kerja yang terburu-buru itu. Sungguhpun ini kita tidak kehendaki, tetapi ini telah berlaku.

Tuan Yang di Pertua, ada juga setengah-kerja telah dilakukan dengan tergesa-

gesa, tetapi kalau telah mahu dilakukan dengan secara begitu, yang sebenar tidak boleh merubah bentuk dan tujuan sebab pemindahan stesyen bas (bus stand) daripada Jalan Melaka ke Jalan Perkeliling sudah boleh dipindahkan semuanya, dalam erti kata pemindahan total di mana walaupun persiapan-persiapan belum begitu lengkap, dan tetapi sayang pemindahan tidak berlaku secara total.

Pada fikiran saya, apabila pihak bandaraya merencanakan hendak memindahkan ini, tentulah bermaksud untuk mengurangkan kesibukan lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur yang memang sibuk, oleh kerana kurang jalan dan bertambahnya kenderaan. Hal ini boleh dilaksanakan di mana memerlukan sedikit pengurbanan iaitu bas-bas yang datang dari luar bandar harus berhenti di pinggir bandar, baik yang dari utara atau Pantai Timur, ataupun juga yang datang dari selatan, misalnya Perhentian Bas di Pudu boleh dipindahkan sedikit jauh ke pinggir bandar tidak menjadi persoalan dalam hal ini, kerana kita dapat membangunkan lagi yang lain-lain dan dapat mengelakkan kesesakan dan mengisi kekosongan ini, maka Bas Sri Jaya dapat mengambil peluang tersebut. Saya tidak ada saham dalam Sri Jaya, jadi saya bercakap tidaklah untuk kepentingan Sri Jaya, tetapi hanya mahu melihat bahawa sesuatu yang dikatakan itu mestilah dikotakan dengan pelaksanaan yang tegas.

Tuan Yang di Pertua, Bas Sri Jaya yang saya nampak tertulis di dindingnya, dia ada tulis di situ "Syarikat Sri Jaya Transport Company Limited" dan di bawahnya tulisan kecil "Hanya dalam kawasan Bandaraya" ertinya tugas syarikat Sri Jaya hanya di dalam lingkungan bandaran. Apabila pihak bandaraya mahu melepaskan keadaan sesak di bandar Kuala Lumpur oleh kerana terlalu banyak kenderaan dari luar masuk, ini harus dilakukan dan peluang itu boleh diambil oleh Sri Jaya yang memang didaftarkan sebagai sebuah syarikat kenderaan yang bergerak di sekitar bandaraya.

Sesudah perhentian bas ini dipindahkan, ada lagi bas-bas ini melintas masuk ke bandar. Saya percaya, lambat-laun tentulah sesuatu yang telah diputuskan akan dilakukan, cuma beransur-ansur. Soalan saya bukan soal yang dilakukan secara beransur-ansur, soalan saya: mengapa dibuat lagi

cara-cara kita yang lama yakni sesuatu yang kita putuskan tidak sanggup kita bertindak dengan tegas, kalau hal-hal yang kecil seperti ini tidak boleh kita lakukan dengan tegas, bagaimana pula kita akan menghadapi cabaran-cabaran yang lebih besar untuk mengubah struktur-struktur yang lebih besar lagi daripada ini?

Tuan Yang di Pertua, saya melihat barisan bas-bas yang melalui Jalan Raja Laut dan berhenti mengambil penumpang-penumpang di sana. Sepanjang yang saya tahu, kerana bertahun-tahun sebelum saya berpindah tinggal di Kuala Lumpur, saya tinggal di Hotel Sentosa, Jalan Raja Laut, jalan sambungan yang sampai ke Jalan Parlimen adalah jalan baharu yang menyambungi Jalan Kuching yang boleh pergi ke Jalan Mountbatten. Jalan ini jalan baru, baik dari sudut mana pun seperti yang saya faham bahawa ada pun jalan-jalan baru mengikut yang saya faham, kalau ada jalan-jalan baru yang dibuka maka jalan-jalan baru itu harus menjadi keutamaan kepada syarikat-syarikat bumiputra, kalau saya tak silap, apatah lagi ini dalam bandaraya yang sebuah syarikat telah didaftarkan bahawa kerja-kerjanya, tugasnya ialah mengangkut penumpang-penumpang dalam kawasan bandaraya. Bagaimana keadaan ini boleh terjadi? Bukanlah soalnya kita membela kepentingan sesiapa, bukan soalnya kita mahu menekan kepentingan sesiapa. Soalnya bagaimana Kerajaan kita, dan bandaraya kita boleh melaksanakan sesuatu dengan tegas dalam perkara-perkara kecil yang seperti ini, yang tidak merupakan keseluruhan negara. Perkara ini kecil, hanya menghadapi bandaraya sahaja.

Kita sangsi kemampuan Kerajaan kita menghadapi masalah-masalah yang lebih besar. Saya katakan kemampuan Kerajaan dalam persoalan yang kita bicarakan sekarang ini iaitu soal bandaraya sebab dia ada hubungannya. Tentu tidak dapat dinafikan bahawa ada hubungannya antara bandaraya yang melaksanakan sesuatu dalam kawasan bandaraya dengan Menteri Perhubungan, kerana beliau berkuasa dalam soal pengangkutan dan jalanraya juga.

Hal ini, Tuan Yang di Pertua, kepada orang-orang yang mengikuti perkembangan, boleh digambarkan oleh orang-orang yang mengerti perkembangan politik bahawa

pressure demi pressure boleh merubahkan struktur politik.

Tuan Yang di Pertua, saya mengharapkan sangat supaya hal ini sebagai contoh dapat diperhatikan untuk hal-hal yang lain yang seumpama ini.

Tuan Yang di Pertua, ada beberapa kesibukan yang nyata di Kuala Lumpur ini yang mahu tidak mahu bandar ini mesti diperkembangkan, diperluaskan lagi oleh kerana kesesakan kenderaan sungguhpun penduduk belum ramai. Penduduk Kuala Lumpur masih kecil jika dibandingkan dengan bandaraya-bandaraya yang lain, tetapi kesibukan kenderaan memang ternyata sekali. Oleh itu, Tuan Yang di Pertua, saya melihat beberapa bandaraya di dunia ini yang boleh dijadikan tauladan, misalnya di Bulatan Parlimen ada jalan dibuat macam tunnel menembusi di bawahnya, kemudian di bawahnya itu boleh naik ke sana dengan berjalan kaki. Hal-hal yang semacam ini, saya fikir, ada baiknya bagi Majlis Bandaraya mengkaji bagaimana beberapa buah negeri yang bandaraya-bandarayanya membuat tunnel, besar di persimpangan, misalnya kalau di Pulau Pinang di Simpang Enam, tunnelnya cukup besar yang di bawahnya tempat shopping. Orang pergi berjalan kaki 10 orang berselisih tidak bersentuh bahu, cukup lapang dan apabila dia keluar dari sini naik ke atas, pergi ke jalan lain, keluar dari sini, naik ke atas, dan pergi ke jalan lain pula yang di dalamnya ada kedai-kedai yang boleh orang berniaga, tetapi carilah tempat yang tidak kena banjir dan ini boleh dilakukan.

Tuan Yang di Pertua, selain daripada itu ialah mengenai masalah penduduk. Bandaraya harus juga memikul tanggungjawab berdasarkan kehendak dari Perlembagaan negara kita, dan kehendak dari polisi Kerajaan kita sendiri iaitu mengimbangkan penduduk. Dan polisi ini di dalam kawasan Bandaraya harus dipikul tanggungjawabnya oleh Majlis Bandaraya sendiri. Bagaimana caranya untuk mengimbangkan jumlah penduduk di antara kaum dengan kaum. Tentulah berat hendak mengeluarkan seseorang dari rumah kerana mesti dibayar wang panas. Ini memang masalah berat. Tetapi ini mesti dijalankan. Kita jangan hanya memikirkan bahawasanya jumlah pengurangan penduduk ataupun pengimbangan penduduk antara kaum boleh

dibuat hanya semata-mata dengan pembukaan tanah baru.

Kedaan yang ada sekarang akan berubah, begitu juga dalam kedudukan pengundi akan berubah dari yang dijangka sekiranya sesuatu tindakan dapat dibuat. Tetapi di dalam keadaan bandaraya sekarang tetap tidak berubah dan tidaklah kita boleh berharap perubahan di dalam Bandaraya ini boleh berlaku dengan sendirinya.

Perubahan di dalam Bandaraya atau bandar-bandar lain di mana perbezaan terlalu nyata antara kaum dengan kaum itu haruslah difikirkan sedemikian rupa dengan cara yang cukup bijaksana, tetapi tegas bagi melaksanakan secepat mungkin, supaya keadaan itu beransur-ansur menjadikan bentuk yang betul-betul multiracial dalam bandaraya, bukan sahaja dalam negara dan juga di bandar-bandar lain bagi kepentingan negara kita sendiri.

Saya percaya, kalau ada kerjasama dan keinginan yang sungguh-sungguh untuk melaksanakan kehendak dari Perlembagaan, kehendak dari polisi Kerajaan, kehendak-kehendak dalam berbagai peraturan dan undang-undang misalnya termasuk undang-undang badan-badan berkanun. Itu boleh dijayakan dengan sungguh-sungguh kalau ini dikehendaki dan ada ko-ordinasi.

Satu contoh, Kerajaan berkehendakkan supaya orang-orang bumiputra masuk di dalam bandar-bandar mengambil bahagian dalam perniagaan: mahu masukkan dalam lapangan perniagaan di bandar, daripada menjual goreng pisang sampai menjual benda-benda yang besar-besar. Selain daripada membuka pejabat-pejabat sebagai importer-exporter dan sebagainya dan ini apabila Kerajaan mahu Bandaraya harus memberikan kerjasama dan segala jalan harus dilicinkan bagi menjayakannya.

Tugas menolong orang-orang bumiputra masuk ke bandaraya khususnya Kuala Lumpur sekarang ini dijalankan oleh UDA. Lima kali kita berulang ke Pejabat UDA kadang-kadang kita disuruh cari tempat di mana yang kita boleh dapat. Kita boleh mendapat suatu tempat di pinggir-pinggir, kita tak boleh dapat di tengah-tengah bandar. Pada satu ketika, bertanya seorang pegawai UDA. "Bolehkah atau berapakah yang tuan sanggup bayar sewa, kalau di Petaling Street?" Jadi jawabnya. "Berapa

yang boleh dibayar oleh orang lain, kita mesti sanggup membayarnya." Kalau betul-betul boleh mahu dapatkan tempat di shopping area, bukan di hujung tempat yang orang lain tak mahu berniaga. Di shopping area itu berapa orang lain boleh bayar, siapa juga boleh bayar, UDA tidak mampu mendapatkannya. UDA mendapat sesuatu yang orang lain tidak mahu lagi. Orang ditolong, membuka hotel misalnya, hotel agak tinggi mutunya, tetapi jauh di belakang, di jalan mati. Collection tidak berpadanan, sewa tidak sanggup dibayar, UDA terpaksa bertindak menarik balik. Itu kerja UDA.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Ini tidak kena-mengena dengan Bil sekarang ini.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Saya faham, maksud saya hendak mencari jalan bagaimana ko-ordinasi dengan Majlis Bandaraya. Jadi, langkah untuk menolong mestilah mencukupkan sesuatu yang tidak cukup. Kalau saya sudah ada lima syarat daripada condition yang ditetapkan, maka saya pun dibagi sesuatu, itu tidak menolong lagi. Tetapi kalau saya ada tiga syarat daripada lima atau dua syarat sahaja, itu menolong-menolong namanya.

Soal yang dihadapi sekarang, bagaimana mahu memasukan orang-orang bumiputra ke dalam Bandaraya untuk mengambil lapangan perniagaan betul-betul di samping suku-suku bangsa, kaum-kaum lain di dalam tanahair kita ini. Bandaraya boleh membuat suatu cara yang sangat wajar dan paling sesuai.

Tuan Yang di Pertua, izinkan saya memberi satu pengesyoran. Sungguhpun berat dan boleh menimbulkan reaksi. Di dalam zaman kemajuan ini di mana kita mahu melihat sesuatu yang cantik, comel, bersih dan sebagainya dalam negara kita ini khususnya di bandar-bandar, apatah lagi untuk memperlihatkan kecantikan itu kepada pelancung-pelancung yang kian hari kian ramai datang ke negara kita. Ada banyak hotel-hotel di tengah-tengah Bandaraya kita ini, hotel sebelum perang yang kuasa melesenkannya itu terletak di tangan Majlis Bandaraya. Bandaraya boleh memberhentikan lesen perniagaan itu. Saya tidak payah memberi sebab-sebab terlalu panjang dalam masalah perniagaan hotel bentuk lama yang ada bersepah-sepah di dalam Bandaraya ini. Tetapi soalnya, hotel itu tidak ada bilik mandi yang sesuai, biliknya cara

lama semua sekali. Ini boleh diberhentikan dan bangunan-bangunan ini mengapa tidak boleh diambil-alih oleh UDA dengan kerjasama Majlis Bandaraya? Hanya dengan jalan ini sahajalah satu-satunya yang paling pantas, yang kita nampak boleh memberi peluang kepada peniaga-peniaga bumiputra. Sebab banyak hotel-hotel lama ini yang tak layak lagi dijadikan hotel di zaman kita iniuduknya dekat-dekat dengan kawasan perniagaan yang baik misalnya di Jalan Tuanku Abdul Rahman. Itu memang banyak. Walaupun apa yang saya syorkan ini menyentuh kepentingan pedagang-pedagang hotel, bila disebut pedagang hotel kelas lama, itu terlalu luas difinasinya, perniagaannya lebih besar daripada apa yang kita katakan hotel, jadi menyentuh kepentingan mereka. Akan tetapi, saya rasa, golongan ini harus memberikan pengorbanan sebab yang mempunyai atau yang memiliki hotel itu orang-orang yang kaya. Yang menjalankan kerja di hotel-hotel lama ini, selain daripada perempuan-perempuan belasan tahun yang seolah-olah menjadi umpan di situ dan apa kerjanya, saya pun tak tahu, kita nampak orang-orang yang terlalu lemah, kadang-kadang tidak berbaju. Tetapi orang-orang yang memiliki hotel itu ialah orang-orang yang berada. Pengorbanan harus diberikan oleh mereka.

Bangunan hotel-hotel baru, kalau mahu diteruskan perniagaan hotel, atau lepaskan peluang kepada UDA supaya UDA dapat mengambil alih dan UDA dapat memberi peluang kepada orang-orang bumiputra. Barulah dapat kedai-kedai yang benar-benar berupa kedai di dalam kawasan shopping area dapat diduduki oleh bumiputra, kalau tidak, sampai bila pun terlalu susah bagi golongan bumiputra hendak memasuki lapangan perniagaan kerana wang panas, duit kopi atau duit teh terlalu mahal, terlalu tinggi dan bumiputra tidak terbayar untuk itu.

Tuan Yang di Pertua, selain daripada itu Majlis Bandaraya ada banyak membangunkan pada masa yang lalu gerai-gerai untuk disewakan kepada bumiputra. Ini semuanya bersifat temporary, bersifat sementara, dan gerai-gerai ini berlaku pula ceritanya. Orang-orang yang mendapat sewa gerai ini, menyewakan kepada orang lain dan hal ini tidak di luar pengetahuan Majlis Bandaraya. Mengapa orang yang meminta untuk men-

dapatkan sebuah gerai, kemudian dia terpaksa mencari makan dengan jalan lain dan menyewakan.

Dari segi perjanjian dengan Majlis Bandaraya, dia telah melakukan satu kesalahan, tetapi kita mahu tahu sebab mengapa. Mengetahui sebab mengapa ini ajaran Islam yang sudah beribu tahun, tetapi sekarang dalam dunia maju sekarang ini baharu orang fikirkan, satu orang yang membunuh orang tidak harus ditetapkan dia mesti dihukum gantung atau dihukum mati dicari sebab mengapa faktor-faktor saikoloji, barangkali, orang mencari alasan untuk mengelakkan dia dihukum mati, dihukum gantung. Ertinya bunuh balas bunuh.

Dalam kejadian ini kita harus mencari mengapa orang itu menyewa dari Majlis Bandaraya, kemudian disewakan kepada orang lain dan dia berjual di kakilima pula. Ada banyak yang berlaku, soal modal, soal itu dan ini berkaitlah dengan hal-hal lain dan ini mesti difikirkan secara langsung. Soalnya sekarang ini Majlis Bandaraya menyediakan stalls atau gerai-gerai ini baik dan harus diperbanyakkan lagi memberi peluang orang-orang bumiputra masuk dalam lapangan perniagaan di celah-celah perniagaan yang sedang berkembang hebat, tentulah bangunan ini sementara tetapi ini adalah peluang belajar kepada mereka yang mahu belajar sebab tidak semuanya perniagaan boleh naik dengan berjaya dengan begitu mudah melainkan melalui proses demi proses. Cuma layanan-layanan, misalnya beberapa tempat lori sampah tidak mengangkat sampah dan terbiar. Orang-orang dari gerai-gerai ini terpaksa membawa sampah-sampah jauh di tempat tong sampah untuk membuang sampah-sampah dan ini harus diperhatikan bagi kemudahan orang-orang itu dan bagi menjamin kesihatan di dalam Bandaraya Kuala Lumpur.

Kemudian, Tuan Yang di Pertua, saya sukacita menarik perhatian Dewan ini kepada keadaan alam di Kuala Lumpur yang sedang berkembang pesat. Jadi sebelum berkembang pesat dia tidak kembang dan dalam masa dia tidak kembang itu banyak kilang-kilang tumbuh dalamnya. Jadi kalau dia sudah lama kembang tentu kilang-kilang disuruh buat jauh-jauh. Jadi oleh kerana dia sudah kembang lambat, baharu berkembang sekarang ini maka banyak kilang-kilang yang menguturkan udara. Dan orang sudah mulai

bertambah tetapi tempat-tempat untuk berehat-rehat, untuk menyenangkan-fikiran terlalu kurang. Jika kita mengharapkan satu Lake Gardens misalnya, itu tidak mencukupi. Mesti diadakan ikhtiar-ikhtiar lagi dan kalau perlu Kerajaan Pusat sendiri patut memberi bantuan kepada Majlis Bandaraya dalam hal ini. Ini soal orang ramai perlu diperbanyakkan lagi taman-taman yang luas dan di dalamnya dimasukkan unsur-unsur kebudayaan yang boleh merupakan muzium terbuka, untuk orang mencari kesenangan fikiran dan menyedut udara-udara yang lapang di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur ini.

**Datuk Athi Nahappan:** Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya suka menyokong Rang Undang-undang ini, kerana Rang Undang-undang seperti ini Federal Capital kita mesti diadakan lebih dahulu.

Di masa dahulu, adalah dikatakan beberapa kali Federal Capital hendaklah diadakan satu plan seperti yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini. Ada juga dikatakan Federal Capital hendak mengadakan satu plan yang digelar Master Plan, tetapi Master Plan kita tidak ada sampai tahun 1970, di mana kita dengan adakan comprehensive plan.

Pada masa sekarang Rang Undang-undang ini juga adalah memberi kuasa yang luas kepada Datuk Bandar untuk melaksanakan plan pembangunan yang lengkap ini.

Rang Undang-undang ini pada pandangan saya, adalah satu Rang Undang-undang yang cukup lengkap comprehensive dan semua perkara-perkara yang kena-mengena adalah disebut di dalamnya sebagai kuasa-kuasa dan juga peraturan-peraturan dan alat-alat untuk rayuan daripada suatu kuasa ke kuasa yang tinggi. Dan saya fikir Rang Undang-undang ini boleh memberi peluang kepada kuasa-kuasa yang suka mengambil bahagian di dalam pembangunan Federal Capital kita ini. Sampai sekarang Federal Capital tidaklah develop mengikut satu comprehensive plan, sungguhpun kita adakan plan sementara sahaja tidak dengan selaras, dengan sebab itu pakar-pakar adalah mengatakan defect Kuala Lumpur atau kekurangan Kuala Lumpur ini ialah asas menjadikan radial development. Ini bermakna jalan-jalan di Kuala Lumpur terus side by side parallel roads.

Mr President, Sir, if I may be allowed to speak a little in English, I might be able to express myself a little clearer. Could I have your permission, Sir?

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Ya. Tetapi hendaklah dicampurkan sedikit dalam bahasa Malaysia.

**Datuk Athi Nahappan (Dengan izin) Sir,** I think we are all proud to be citizens of Kuala Lumpur because it is a beautiful City—not that we say so, but everyone who comes to Kuala Lumpur from abroad recognises this. The tourists, the visitors, they are so much impressed by the lush, greenness of the City, the cleanliness of the City, the orderliness of the City and generally the behaviour of the City. They say that this is very much different, generally speaking, from other Asian cities. This gives us a great deal of pride and satisfaction, but it is no cause for complacency; in fact, it gives us further food for thought and it operates as a challenge to see that Kuala Lumpur becomes the best City in Asia.

I am glad that ever since the City was handed over to the Advisory Board through the Federal Capital Act of 1960, the City has been growing and has been fast developing. It is having all the problems of growth and all the pains of growth. These are not simply the teething troubles; some are really structural troubles, and one of the basic structural troubles, as it had been said by the foreign consultants who were here some years ago to consider the traffic density of the City, is this: they recognised that the basic defect was because it was radially developed and that was, they said, two or three roads were running side by side without breadth and there were very few circumferential roads. This is one of the reasons as to why our roads are being choked with traffic and they are not able to take the load of the roughly 12% growth in the vehicular population of the country and a slightly higher growth in and around Kuala Lumpur.

The influx of population to the City is another factor that has been causing a lot of challenging problems. There has been emigration of people from the rural to the urban areas and they have been coming in not because there were jobs available, but they have been coming in because it is attractive—in the hope of getting jobs many

people have been coming into the Federal Capital. With all these, the development of the City had to be geared and put on a different basis of growth. It could not be just left to grow by itself. Therefore, a Plan was necessary, and having a Plan has been a long story.

In fact, from time to time, there had been outcries that the Federal Capital should have a Master Plan and several attempts were made to have a Master Plan and finally we have got this comprehensive Development Plan for the City and within which planning permission is required. After obtaining the planning permission, a Layout Plan is required by the developers and from there, development has got to be brought about in accordance with the development order provided in this Act. To give a catalytic effect, powers have been concentrated in the Datuk Bandar of the City. In fact, I have had the opportunity of seeing the Bill for the first time only in Parliament, and although the Federal Capital Advisory Board is there, in so far as the Development Plan is concerned, the Datuk Bandar or the Commissioner is not subjected to the Advisory Board as such. He is to function outside the Advisory Board. I was wondering to myself as to why this has been done. After all, the Advisory Board is merely advisory and the Datuk Bandar is not bound to accept the advice given. If he wants, he can accept the advice; if he doesn't, he need not and he is not even required to refer all the matters to the Advisory Board. In this situation, I was wondering why this has been taken completely out of the role of the Advisory Board members. They have been selected for their work, to be there and to be of assistance to the Datuk Bandar and to help him in any way they could and I am sure in a development matter such as this where a lot of interests are involved, the conflict of interests are involved, and equity has to come in in handling matters—in all these things, the Advisory Board members could come in and give whatever help they could. I am not saying and I am not at all reflecting that the Datuk Bandar is not capable of handling these matters himself. The present Datuk Bandar is a capable man and ever since he has taken up the job, he has been showing a lot of interest; and he will be able to exercise his powers, I am sure, quite prudently and wisely. But, nevertheless,

when there is a Board, I really do not see why the Board has been excluded from playing its role in the development of the City by giving its advice. That is merely as an observation, in referring to Part II of the Bill, which precludes the role of the Advisory Board—Clause 4, for instance, and Clause 3 too. Apart from this, the provisions are all carefully conceived.

Dealing with Part IV, where the Interim Development Plan is provided for, the Datuk Bandar is required, at the instance of the Minister, to have an Interim Plan every 5 years within the canopy of the comprehensive Development Plan.

The Interim Development Plan has got two parts: one is a sort of mandatory part and the other is a discretionary part. The mandatory part says that the Interim Development Plan shall indicate the manner in which the Commissioner proposes that land or buildings should be used—I am referring to Clause 9 (2). This refers to land use, Sir, and here “land” means anything fastened to the land and buildings as well. The other is “allocate areas or zones of land and buildings or parts thereof for use—

- (i) for residential, commercial, limited commercial, educational, .....etc.
- (ii) for public buildings or for use as green belt or natural reserves;
- (iii) for such other purposes as the Commissioner may think fit.”

Now, these are required to be shown in the Interim Development Plan. The object of showing it is, of course, that the public and the developers in particular can have an idea as to what is likely to come about in certain areas of the City, where it is zoned for commercial development, residential development, educational institutions of green belts etc. With this in mind, the developers can have an idea, can see for themselves and then accordingly plan their developments and put in their applications. Otherwise, they would have been pretty much in the dark. They would not know whether it is to be a zone for this or that, though we have been having, from time to time, on a sort of temporary basis, various regulations. But now it will be much more clearer for people and they can plan accordingly and participate accordingly and this will be cleaner, neater and people can organise

themselves and the City also will be developed in a coherent and correlated manner. This is very important.

The other is, of course, the interim Development Plan may also—this is the discretionary aspect of it—define and provide for areas for future development and expansions, areas for new housing, amenities—all these things. This will be shown within the Plan. So, as I said, it will put things on a proper footing for everyone concerned.

On the exercise of the powers, though the Datuk Bandar has been given quite a lot of powers, a balance has been achieved in the Bill by providing wherever necessary that an appeal could be made against his decision. For this purpose, provision for an Appeal Board has been put in, which is a good thing, in the question of compensation, layout plan and various other matters, and the Appeal Board is expected to play an important role here. So that is the main redeeming feature. While, on the one hand, a lot of power is given, even though without the advisory participation of the Advisory Board of the Federal Capital, the balancing is achieved by having this Appeal Board. Appeals can be made to this Appeal Board and there the matter will be considered in a judicial manner and the Federal Capital Commissioner has to appear as a party and justify his actions as to why he acted in a particular manner, or why he refused to act in a given matter. Therefore, he is not the final authority. There is someone sitting in a number of cases above him and therefore the public need not feel unduly concerned that one man has been given a lot of powers in development. But, it has been noted generally that if we want development to generate fast, we cannot have a sluggish machinery. The machinery has got to be pretty quick and unless powers like these are given, it may not be possible to streak through in developments some other cities have had.

There is a provision on requisition. The requisition power is given to the Datuk Bandar. This is frightening on the face of it when one sees it. Now, under this, the Datuk Bandar, without giving any reason, if he is personally satisfied, which is a subjective test, but one hopes that it will be objectively used, because people in positions like this have to exercise power objectively—it says here that “if the Commissioner is satisfied—

- “(a) any use of land should be discontinued;
- (b) that conditions should be imposed on the continuing use thereof; or
- (c) that any buildings or works should be altered or removed,” notice can be given—this is the “requisition notice.”

Without stating any reason such notices can be given and without corresponding appeal from there, it would look that too much of power is vested in one single person however fair that person may be, because we are not dealing with persons. We are dealing with an “authority” and persons may come and go. It is possible that we may have at one time a very good and very fair Datuk Bandar and at another time we may have a not so good and not so fair Datuk Bandar. (*Ketawa*) So, we are not dealing with persons, but we are dealing, as I said, with an authority. Therefore, to seek a balance, it is given here, under Clause 27 (2)—

“Any person aggrieved by such requisition notice may, within the period stated therein and in the manner prescribed, appeal to the Appeal Board.”

So, come to think of it, one has to objectively feel satisfied that the checks and balances are well plugged in.

With these powers, I do not see why Kuala Lumpur should not see a greater pace of development and I do not think the Datuk Bandar hereafter can say that he has not been equipped with adequate powers. In fact, there are quite a lot of powers granted to him in this Bill and with these he should be

able to give Kuala Lumpur a greater and faster pace of growth. Sir, we in this House I am sure, welcome this and we congratulate the Minister for having moved this Bill, and we look forward to a more prosperous Kuala Lumpur and a greater growth of Kuala Lumpur.

I beg to support this Bill.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, 21hb Februari, 1973.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*